Volume II
No. 43

Wednesday
21st December, 1960

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

BILLS PRESENTED [Col. 4687]

EXEMPTED BUSINESS (MOTION) [Col. 4738]

BILLS—

The Supply (1961) Bill:

Committee of Supply (Twelfth Allotted Day)—

Heads 47 to 49 [Col. 4687]
Heads 50 to 54 [Col. 4694]
Heads 55 to 60 [Col. 4738]
Heads 61 to 65 [Col. 4765]

The Special Pension (Tengku Ampuan Jema'ah binti Raja Ahmad) Bill [Col. 4792]

MOTION—

Provisional Development Estimates, 1961 [Col. 4796]

Committee—

Head 100 [Col. 4799]
Heads 101 to 104 [Col. 4801]
Heads 105 to 112 [Col. 4807]

PRINTED AT THE GOVERNMENT PRESS
BY THOR BENG CHONG, ACTING GOVERNMENT PRINTER
FEDERATION OF MALAYA
1961

FEDERATION OF MALAYA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the First Dewan Ra'ayat

Wednesday, 21st December, 1960

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.

" the Prime Minister and Minister of External Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

" the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

" the Minister of Internal Security, DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).

" the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).

" the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).

" the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR (Pontian Utara).

" the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).

" the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).

" the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).

" the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).

" the Assistant Minister of Information and Broadcasting, TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johore Tenggara).

" the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).

" the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

" the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).

" the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKA-VASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).

The Honourable the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).

" ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Malacca Utara).

" ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).

" ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).

" TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).

" TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).

" TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).

" ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

" ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).

" ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bharu Barat).

" TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).

" ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).

" TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).

" ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

" DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).

" ENCHE' CHAN CHONG WEN (Kluang Selatan).

" ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).

" ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).

" ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).

" ENCHE' V. DAVID (Bungsar).

" DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

" ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).

" ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).

" ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).

" TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).

" TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

" ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).

" ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).

" ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).

" TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).

" ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).

" ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).

" ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).

" ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).

" CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).

" ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).

" ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).

" ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).

" ENCHE' LEE SIOK YEW (Sepang).

" ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).

The Honourable DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
„ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
„ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
„ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
„ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
„ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
„ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
„ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
„ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
„ ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
„ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
„ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
„ DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).
„ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
„ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).
„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
„ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
„ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
„ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
„ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
„ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
„ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
„ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
„ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
„ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
„ TENGKU INDRA PETRA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, J.M.N. (Ulu Kelantan).
„ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
„ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
„ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
„ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
„ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
„ ENCHE' WOO SAIK HONG, P.J.K., J.P. (Telok Anson).
„ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
„ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
„ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
„ HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN (Pontian Selatan).
„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
„ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

and the results of the survey are now being studied by the Government.

The Honourable Member has mentioned about the ratification of the I.L.O. Convention. We have ratified nine I.L.O. Conventions and not seven as mentioned by him. The two Conventions that he has not mentioned are Convention No. 17 concerning Workmen's Compensation (Accident) and Convention No. 19 concerning Equality of Treatment Accident Compensation. He also mentioned about I.L.O. Convention No. 110. This Convention was discussed by the I.L.O. Convention Sub-Committee of the National Joint Labour Advisory Council. This Committee advised against this ratification, because the Convention requires these provisions to be extended to all holdings which employ hired labour and produce other than for local consumption. This requirement brings our many smallholdings into the scope. My Ministry does not have powers or provisions over holdings of less than 25 acres, and, as such, the provision of smallholdings becomes difficult. Moreover, most of the smallholdings will suffer undue hardship if the provisions of the Convention were applied to them. Most of the provisions of the Convention, however, are already being applied on the larger estates. The I.L.O. Convention Sub-Committe of the National Joint Labour Advisory Council is constantly reviewing all other Conventions with a view to the practicability of ratifying them.

As far as the encouragement of the formation of Trade Unions is concerned, it has always been the policy of the Government to encourage the formation of a free, democratic and healthy National Trade Union. The law requires workers to be formed as a trade union based on similar trade, occupation or industry; and this is fully endorsed by the Malayan Trade Union Congress.

The Honourable Member also mentioned about the need to set up a Research Section in the Ministry. I agree that there is a need for such a Section, but for financial and staffing reasons it cannot be implemented just yet. At present there is a Statistics Section which can be extended later on. In our proposals for 1961 under the Second Five Year Development Plan we have asked for a Superscale "J" post, a Statistician, an Executive Officer and a Clerk to enable us to convert our present Statistics Division into a Planning and Research Division.

The question of sending additional representatives and sending only Federal Citizens as delegates to the I.L.O. Conferences is now being considered by the Government. As regards the question of a social insurance scheme mentioned by him, I had also mentioned earlier in my speech that the report of the expert has been received and it is now being examined. With regard to the question of the workers in Government Service, this comes under the responsibility of the Honourable the Prime Minister.

Now, Sir, I would like to reply to the Honourable Member from Kuala Trengganu Utara.

Sekarang saya suka hendak menjawab uchapan yang di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara yang telah menyebutkan berkenaan Training Section dan juga berkenaan dengan pekerja² di-Pantai Timor. Training Section dalam Estimate ini sunggoh pun telah di-berikan sa-banyak $2,000 itu hanya sa-bagai menandakan Section itu ada. Tetapi, saya suka menyatakan di-sini bahawa Kerja² di-Section ini akan berjalan terus. Dan dasar-nya sama ada hendak di-panjangkan lagi, itu sedang di-timbangkan oleh Kerajaan. Wang itu tertinggal ia-lah sebab belum dapat keputusan daripada Kerajaan. Chadangan saya ia-lah Section ini hendak di-satukan dengan Section Industrial Relations dalam Kementerian saya.

Berkenaan dengan pekerja² di-Pantai Timor, saya suka hendak memberi tahu kapada Ahli Yang Berhormat itu, saberapa boleh saya akan berikhtiar menghantar beberapa ramai lagi pegawai² daripada Kementerian saya pergi melateh orang² di-sana berkenaan dengan Trade Union. Dia juga telah menyebutkan perkara Transport Workers' Union di-Trengganu. Perkara

ini sedang di-timbangkan lagi tetapi Kementerian saya sa-berapa boleh akan berusaha untok mendapatkan perdamaian. Ia juga telah menyebutkan fasal Menteri Muda. Saya suka memberi tahu yang jawatan Menteri Muda ini sangat mustahak kapada Kementerian Buroh. Sebab-nya, chuba-lah kita fikirkan, jika sa-kira-nya tidak ada Kementerian Buroh bagaimana Industrial Relations yang berjalan sekarang ini hendak maju. Kementerian Buroh di-negeri² yang bebas ada-lah satu Kementerian yang besar sakali. Jangan-lah di-pandang kapada wang yang di-untokkan dalam satu² Kementerian itu sahaja. Lain Menteri lain pula tanggong jawab-nya. Kementerian saya ada-lah tanggong jawab-nya mengenai Industrial Relations untok membaiki hubongan di-antara Majikan dengan buroh². Macham menjadi broker jika sa-orang hendak mengkahwinkan anak perempuan-nya dengan sa-orang lelaki berkehendakkan orang tengah menjalankan-nya. (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Tidak ada-kah mithalan yang lain (*Ketawa*).

Enche' Bahaman: Pekerja² dalam negeri ini ada lebeh kurang 800,000 orang. Jadi, ini semua berkehendakkan wang dan bukan senang hendak mengawal-nya. Kalau sa-kira-nya keadaan buroh² tidak memberi puas hati harus juga Penanam² Modal tidak berani hendak menanamkan modal-nya dalam negeri ini. Barangkali, oleh kerana saya sa-orang yang tua dalam Kementerian ini, maka sa-orang Menteri Muda telah di-lantek untok menolong saya.

Berkenaan dengan uchapan Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hilir, sunggoh saya ada memberikan uchapan bagitu. Saya sendiri pun sa-bagai Menteri Buroh sangat risau menengokkan banyak-nya orang² Melayu yang datang ka-pekan² dan banyak yang datang ka-pejabat saya meminta pekerjaan, meminta recommendation dan sa-bagai-nya. Mengikut report, saya dapati tiap² bulan kalau di-bandingkan dengan bangsa² lain, orang² Melayu-lah yang banyak mendaftarkan nama-nya dalam Employment Exchange. Jadi, ini satu perkara yang tidak boleh kita biarkan. Bukan kita hendak menahan mereka datang ka-pekan², tidak. Tetapi masaalah akan timbul dalam pekan² apabila sa-saorang itu tidak dapat kerja. Jadi dia menganggor dan barangkali harus membuat satu² perkara yang tidak baik. Kerana itu saya fikir lebeh mustahak kita jangan membiarkan perkara ini menjadi besar. Kerajaan telah membuat berbagai² ranchangan dalam Pembangunan Luar Bandar supaya mereka itu dapat pekerjaan di-kampong². Dan yang mana telah sampai di-pekan², maka peluang terbuka untok mereka itu masok bekerja dalam kilang² yang banyak dalam pekan² besar.

Berkenaan dengan chadangan-nya hendak-lah di-besarkan peruntokan wang bagi Kementerian ini, saya bersetuju sangat, tetapi ma'alum-lah Kerajaan banyak hendak menggunakan wang. Kementerian² yang lain banyak lagi. Jadi, tentu-lah buat sementara ini sa-banyak itu yang dapat sa-banyak telah kita terima.

Question put, and agreed to.

The sum of $3,503,559 for Heads 47 to 49 inclusive ordered to stand part of the Schedule.

Heads 50 to 54—

The Deputy Prime Minister (Tun Abdul Razak bin Dato' Hussain): Tuan Yang di-Pertua, saya meminta izin membentangkan semua kepala² 50 sa-hingga 54 ia-itu kepala² perbelanjaan di-bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dalam membentangkan Pembangunan Luar Bandar ini, saya suka menerangkan bahawa bukan-lah maksud Kerajaan hendak meluaskan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini menjadi satu pertubohan yang bertanggong jawab terhadap semua sa-kali perkara² yang berkait dengan kemajuan² Pembangunan Luar Bandar. Bahkan yang sa-benar-nya tugas Kementerian ini ia-lah di-tujukan pada menyatukan di-seluroh tenaga Kerajaan di-kawasan² di-luar bandar ia-itu segala perkhidmatan kawasan² luar bandar ia-lah menjadikan tanggong jawab Kerajaan saperti jalan raya Clinic, sekolah², parit dan tali ayer dan berbagai perkara yang lain ia-lah dapat di-selanggarakan dengan usaha² Kementerian dan Pejabat² yang sedia bertanggong jawab. Saya menyebutkan saperti

hal ini ia-lah oleh sebab saya telah berulang kali di-tanya mana² saya pergi berkenaan dengan Pembangunan Luar Bandar ini beberapa juta wang-kah Kerajaan menguntokkan kerana Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya pada masa ini ia-lah semua daerah² telah pun menyediakan ranchangan² bagi Pembangunan Luar Bandar di-daerah masing² yang sekarang ini di-ketahuï sa-bagai Ranchangan Buku Merah. Dalam ranchangan daerah itu telah di-satukan dan di-rangkaikan menjadi satu ranchangan negeri. Dan tiap² satu ranchangan negeri itu telah siap dan di-hantarkan kapada Kementerian ini dan segala ranchangan² itu sedang di-susun menurut bahagian masing² dan menurut Kementerian² dan Pejabat² masing² untok di-masokkan di-dalam ranchangan kemajuan 5 tahun yang kedua Kerajaan Persekutuan. Sunggoh pun ranchangan² telah pun di-sediakan saya suka menerangkan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini mempunyaï tugas yang besar bagi menyatukan kerja² serta perpaduan bagi tiap² Kementerian dan jabatan yang berkenaan bagi kemajuan luar bandar.

Saya suka menerangkan juga bahawa saya merasa sangat puas hati terhadap tindakan dan tenaga yang telah di-beri oleh semua pegawai baik di-peringkat Negeri dan peringkat jajahan dalam melaksanakan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Hampir dalam tiap² daerah langkah² sedang di-jalankan dengan giat-nya dalam melaksanakan banyak project² yang mana telah pun di-siapkan dalam tahun ini, oleh kerana banyak project² ini maka tak dapat-lah saya hendak menghuraikan satu persatu malahan saya suka mengambil peluang ini menguchapkan terima kaseh dan shabas kapada tiap² Kerajaan² Negeri dan tiap² Pegawai² Daerah dan segala ahli Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah terhadap semangat perkhidmatan dan rasa tanggong jawab yang telah di-tunjokkan bagaimana terbokti-nya dengan jelas dalam segala perkara yang telah di-lakukan oleh mereka itu untok faedah dan kemudahan pendudok² di-kawasan luar bandar. (*Tepok*).

Dalam perbelanjaan² yang di-bentangkan di-hadapan Dewan ini saya suka menerangkan b a h a w a jikalau di-bandingkan dengan belanja bagi tahun 1960 akan terdapat-lah ada satu kekurangan Kepala ia-itu Jabatan Kemajuan Kampong dan Perhubongan Masharakat. Jabatan ini telah di-hapuskan daripada m e n j a d i satu jabatan yang berasingan dan sekarang telah di-jadikan sa-bagai satu bahagian bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar, sebab-nya di-perbuat bagini ia-lah Kementerian Pembangunan Luar Bandar segala hakikat-nya ada-lah menjalankan tugas sa-buah jabatan bagi Kemajuan Perhubongan Kaum dan ternyata-lah tidak ada mustahak mengadakan sa-buah jabatan yang berasingan daripada Kementerian ini.

Tadi saya telah terangkan bukan-lah tujuan saya hendak mengadakan satu penubohan yang besar bagi Kementerian ini bahkan maksud-nya yang sa-benar-nya ia-lah hendak menggunakan semua sa-kali alat² Kerajaan yang ada pada masa ini untok kemajuan pendudok² di-luar bandar. Oleh yang demikian pada fikiran saya patut-lah sangat pejabat ini di-mansokhkan dan di-masokkan ka-dalam Kementerian ini. Bagitu juga saya ada mendengar kerap kali orang berkata dalam Dewan ini bahawa dalam melaksanakan Ranchangan² Pembangunan Luar Bandar ini Kerajaan ada-lah meletakkan tanggong jawab-nya semata² kapada Kerajaan dan tindakan yang sewajar-nya belum-lah di-ambil untok menyeru pendudok² di-luar bandar supaya menjalankan peranan² dan memberi sokongan mereka. Saya pun telah memberi penerangan sadikit sa-banyak berkenaan dengan perkara ini pada masa menjawab pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bachok dan sekarang saya suka mengambil peluang sa-kali lagi menerangkan sadikit sahaja ia-itu menyatakan bahawa asas yang pertama sa-kali dalam satu² ranchangan bagi melaksanakan pembangunan luar bandar ini ada-lah menjadi tanggong jawab yang utama pada Kerajaan ia-itu Kerajaan hendak-lah meletakkan rangka² batu asas di-mana kemajuan telah di-ranchangkan dan kemudian sa-telah di-laksanakan benaan asas itu maka boleh-lah pehak kita

pehak Kerajaan berseru kapada ra'ayat jelata di-luar² bandar ia-itu tapak asas sekarang ini telah sedia bagi tuan² semua pendudok² luar bandar menyudahkan benaan itu.

Sa-bagaimana yang telah saya terangkan juga bahawa di-waktu saya melancharkan Ranchangan² Pembangunan Luar Bandar itu satu daripada sharat yang telah saya sebutkan ia-itu hendak-lah tiap² orang memberikan sapenoh² kerjasama pada pehak Kerajaan kita terhadap ranchangan² ini supaya mendapat kejayaan yang sapenoh-nya. Tugas-nya dasar kita ia-lah hendak membena satu ra'ayat, satu bangsa yang boleh berdiri di-atas tapak kaki-nya sendiri. Pehak Kerajaan hanya-lah dapat mengadakan bantuan yang sa-patut sahaja dan sa-kira-nya orang ramai hendak mengechap nekmat dan faedah-nya yang lebeh daripada bantuan yang di-beri oleh Kerajaan itu maka terpaksa-lah mereka menggunakan usaha dan tenaga mereka itu sendiri.

Saya telah terangkan tingkatan yang pertama dalam ranchangan yang telah di-sempurnakan dan saya berharap pada awal tahun hadapan dapat dilancharkan tingkatan yang kedua Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini. Dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini sa-lain daripada kita mengadakan kemudahan² kebajikan 'am saperti mengadakan jalan² raya, sekolah² dan perbekalan ayer dan kuasa letrek maka perkara yang mustahak ia-lah perkara tanah. Perkara tanah ini saperti Ahli² Yang Berhormat ketahui ia-lah urusan Negeri dan tidak ada satu perkara yang dapat di-jalankan melainkan dengan persetujuan dari Kerajaan Negeri, sunggoh pun kuasa hal tanah ada dalam tangan Kerajaan Negeri, tetapi pada fikiran saya Kerajaan Persekutuan ada-lah bertanggong jawab juga bagi kerjasama dengan Kerajaan Negeri supaya dapat masa-alah tanah ini di-atasi. Pada masa ini ada-lah banyak peminta² tanah yang belum dapat di-selesaikan dan banyak pendudok² di-kampong yang berkehendakkan tanah, oleh sebab itu dengan kerjasama yang telah di-beri oleh Kerajaan² Negeri melalui National Land Council pehak Kerajaan telah dapat mengadakan satu dasar yang tegas terhadap pemberian tanah ini dan sekarang ini pehak Kerajaan² Negeri telah bersetuju hendak utamakan pemberian tanah kapada mereka yang tidak ada tanah dan tidak mempunyai chukup luas tanah bagi mata pencharian mereka itu dan juga Kerajaan Negeri bersetuju menutup buku² permohonan tanah bagi sementara dan membekukan semua pemohon² tanah itu. Dengan ini dapat-lah masaalah² itu di-atasi dengan sempurna-nya dan pada masa yang akan datang ini tanah hanya-lah akan di-keluarkan oleh Pejabat² Tanah menurut dasar yang baharu ia-itu akan mengadakan kumpulan di-kawasan tinggal beramai² menurut Group Settlement Areas Bill yang telah pun di-luluskan oleh Dewan ini dan pada masa sekarang ini tidak dapat-lah hendak di-benarkan orang² meminta tanah dengan bersendiri.

Dan bagitu juga bagi mengatasi masaalah² ini pehak Kerajaan Persekutuan dengan persetujuan Kerajaan² Negeri telah mengeluarkan siaran perentah pembangunan luar bandar yang kedua dan di-situ ada terkandong dasar baharu berkenaan dengan pemberian tanah dan juga terkandong chara-nya Pejabat² Tanah itu patut di-perbaiki supaya dapat Pejabat² Tanah itu menjalankan tugas masing² dengan sempurna-nya. Menurut siaran itu Pejabat² Tanah di-serata tempat Tanah Melayu ini hendak-lah terbahagi kapada 2 bahagian: Ia-itu sa-bahagian-nya ia-lah semata² bertanggong jawab bagi pengeluaran dan memajukan tanah, dan sa-bahagian lagi bagi pekerjaan² yang lain yang lazim di-perbuat oleh Pejabat² Tanah ini.

Maka pada fikiran saya, hanya-lah dengan di-adakan peratoran yang samacham ini di-Pejabat² Tanah baharu-lah dapat pekerjaan mengeluarkan tanah itu di-jalankan dengan sempurna dan dengan memberi puas hati. Dan dalam perentah itu juga ada di-terangkan ia-itu ada dua chara bagi mengeluarkan Tanah. Satu ia-lah kawasan² yang luas yang di-bagi untok di-jadikan kebun² dan menchukupi hasil kapada pendudok²-nya yang tidak mempunyai tanah langsong. Kedua-nya, yang di-katakan kawasan² Fringe Alienation atau kawasan² yang berdekatan dengan

kampong² yang sedia untok mendapatkan tanah² atau pun kebun² yang ada sekarang ini kapada pendudok² di-tempat itu. Dalam siaran ini ada juga di-terangkan mustahak-lah di-terangkan semua sa-kali Pejabat² yang berkaitan hal tanah ini memberikan kerja sama yang penoh kapada pehak Kerajaan bagi melaksanakan dasar-nya yang tersebut itu. Dalam ranchangan ini adalah di-tentukan bahawa Kerajaan negeri bukan sahaja mustahak di-beri keutamaan kapada pekerjaan² mengeluarkan tanah dan mengadakan ranchangan kemajuan tanah ini, bahkan pehak Kerajaan² negeri hendak-lah menguntokkan dua pemberian, satu-nya menanggohkan pembayaran harga tanah bagi tempoh 9 tahun dan juga menengokkan hasil tanah bagi tempoh 9 tahun. Dan bagitu juga Kerajaan Persekutuan mengaku mengadakan pendahuluan pinjaman wang untok bayaran ukor dan belanja tebas dan membersehkan kawasan. Dan keduanya bantuan perchuma untok beneh dan baja. Jadi, wang pinjaman yang diuntokkan oleh Kerajaan Persekutuan ini hendak-lah di-jelaskan dalam tempoh 15 tahun. Dengan ada dasar yang baharu ini dan di-persetujukan oleh Kerajaan negeri, saya perchaya dapat masaalah pemberian tanah ini di-atasi dengan sempurna-nya. Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan bahawa perbelanjaan di-bawah kepala 50 hingga 54 ini di-persetujukan. (*Tepok*).

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri pada hari ini ia-lah untok memberikan sadikit pandangan terhadap pendirian Kementerian Luar Bandar ini. Muka 245, sub-head 14, Adult Education. Tahun ini ada peruntokan-nya sa-banyak $400,000 ia-itu sama jumlah-nya dengan tahun 1960. Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya mengikut apa yang saya pandang, di-kampong² sekarang ini, baik di-sebelah Pantai Timor atau pun di-sebelah barat, kerja² berkenaan dengan pelajaran bagi orang² dewasa ini sa-benar-nya tidak-lah bagitu nampak berkesan.

Saya tidak tahu ada-kah wang sa-banyak $400,000 ini telah di-gunakan kapada pelajaran² Inggeris untok orang² dewasa atau pun kapada pelajaran bahasa Kebangsaan untok orang² yang bukan Melayu. Sa-benar-nya kalau mengikut sharat tujuan wang ini di-untokkan ada-lah sa-mata² wang itu mesti-lah di-gunakan kapada usaha menghapuskan buta huruf dalam negeri ini. Patut-lah Kerajaan ini membuat satu dasar yang tegas bagi melaksanakan pada usaha² membasmikan buta huruf itu dalam negeri ini dengan mengadakan satu statistic tahunan dan membuat jangka waktu yang sesuai dan munasabah sa-hingga sampai berapa tahun-kah satu target di-tetapkan oleh Kementerian ini untok menghapuskan buta huruf itu selesai di-jalankan di-seluroh Persekutuan Tanah Melayu ini. Membuat dengan satu statistic dengan satu anggaran perbelanjaan yang munasabah mengikut target yang di-tujukan oleh Kementerian ini bagi menghapuskan buta huruf dalam negeri ini, sa-umpama-nya dalam tahun yang pertama berapa target—berapa persen jumlah buta huruf itu dapat di-hapuskan dan statistic ini ia-lah statistic yang hidup berdasarkan kapada kegiatan Kementerian ini dalam usaha-nya menghapuskan buta huruf.

Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, hendak-lah soal membasmikan buta huruf ini di-buat mengikut kehendak siapa hendak mengeluarkan wang untok mengadakan kelas buta huruf, kemudian wang itu di-keluarkan saperti badan² dermawan, badan² kebajikan yang membantu usaha²-nya sendiri atau usaha² mengadakan tempat untok membasmikan buta huruf, mithal-nya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita mahu dasar Kementerian ini di-tegaskan bahawa tidak-lah menjadi dasar Kementerian ini memberi satu sen pun kapada pelajaran yang lain sa-lain daripada membasmikan buta huruf dalam bahasa kebangsaan, ini khas-nya dalam tugas Kementerian ini, satu sen pun tidak akan di-keluarkan di-atas sub-head 14 ini sa-lain daripada di-gunakan kerana membasmikan buta huruf dalam bahasa kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat bagaimana gerakan membasmikan buta huruf beberapa tahun dahulu sa-belum negeri ini menchapai kemerdekaan di-bawah pimpinan satu orang; semua orang kenalkan nama Syed Alwee bagaimana gerakan membasmikan buta huruf ini berjalan dengan hebat-nya

bukan sahaja merupakan kelas membasmikan buta huruf tetapi merupakan gerakan yang berjalan daripada satu tempat ka-satu tempat dan galakan juga di-siarkan di-Station[2] Radio, galakan yang di-anjorkan daripada buku[2] bagi menghapuskan buta huruf. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, bagi membasmikan buta huruf ini tidak-lah dapat di-lakukan dengan semangat yang alang kepalang. Membasmikan buta huruf ini mestilah di-laksanakan dengan kemahuan yang chukup kuat dan kemahuan melahirkan semangat di-kalangan ra'ayat itu sendiri untok menerima anjoran Kerajaan dalam soal membasmikan buta huruf.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini sa-kali lagi saya tegaskan biar-lah Kementerian ini membuat satu dasar yang tegas dan membuat satu sukatan masa yang chukup yang dapat memberi jaminan bahawa pembasmian buta huruf dalam negeri ini akan selesai kerja-nya dalam tempoh 9 tahun dari sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sub-head 18 ia-lah ranchangan kemajuan luar bandar; tahun ini peruntokan Estimate sa-banyak $650,000 ia-itu lebeh besar ganda-nya dengan Estimates tahun 1960 ia-itu sa-banyak $250,000. Sub-head 18 ini, Tuan Yang di-Pertua, mengikut fahaman saya mengenai projects bagi lengkongan yang kechil[2] dengan belanja-nya $650,000 ini boleh di-ma'anakan satu project yang besar dan sa-benar-nya kerja ranchangan kemajuan luar bandar ini tidak ada langsong di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar tadi. Dalam perkara ini ada satu perkara yang saya suka hendak berchakap itu-lah berkenaan dengan orang[2] Melayu yang hanya di-beri peluang mengambil contract[2] kechil dalam kerja[2] pembangunan luar bandar ini bagi Rural Projects saperti membuat telaga, membuat parit atau tali ayer ada-lah satu kesalahan dalam dasar peruntokan wang ini pada pandangan saya. Sa-patut-nya hendak-lah peluang contract itu di-berikan kapada orang kampong supaya dapat di-berikan dia membuat ranchangan kechil[2] itu sendiri saperti membuat bangunan mengikut project[2] yang di-jalankan oleh Kerajaan.

Jadi, dalam ranchangan[2] kechil itu sedangkan ranchangan besar di-serahkan kapada contractor[2] sa-lain daripada orang kampong itu sendiri. Pembangunan kampong atau kemajuan luar bandar, saya bersependapat dengan Menteri Yang Berhormat, Kementerian Luar Bandar ia-itu-lah tidak akan dapat kejayaan kita sa-kira-nya orang kampong tidak di-ajak kerja sama. Sa-benar-nya kejayaan kemajuan luar bandar itu terletak kapada kemahuan dan semangat orang kampong itu sendiri. Jadi, rasa saya sesuai benar dengan apa yang saya katakan tadi, ia-itu segala ranchangan Kerajaan jangan-lah lagi di-serahkan kapada contractor[2] yang besar. Sebab, kalau kemajuan luar bandar itu tidak di-beri peluang kapada orang Melayu untok membuat bangunan[2] itu maka saya rasa tidak ada lagi peluang yang dapat bagi mereka itu.

Mengikut fahaman saya bukan-lah berma'ana sa-genap project yang besar[2] itu di-serahkan kapada orang[2] Melayu dengan tidak memerhatikan kelayakan dan kebolehan mereka. Ini berma'ana kelayakan dan kebolehan mereka itu ada-lah bersamaan dengan semangat kita hendak menyerahkan tugas mereka membangunkan kampong mereka itu sendiri.

Sa-lain daripada itu saya sangat tertarek hati kapada kenyataan Menteri Pembangunan Luar Bandar yang baharu sa-bentar tadi menyatakan yang Kementerian ini berpuas hati di-atas pekerjaan[2] bagi semua pegawai[2] dari peringkat Negeri hingga peringkat daerah dan menguchapkan terima kaseh dan shabas atas kerja Kerajaan[2] Negeri dan Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar dan kesunggohan[2] mereka dalam melaksanakan dasar yang di-beri oleh Kementerian ini. Dalam soal ini saya suka menarek perhatian Majlis ini tentang bertentang-nya uchapan yang di-beri oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar itu dengan Yang Berhormat Menteri Muda-nya sendiri. Kalau tak salah ingatan saya dalam bulan November yang lalu Yang Berhormat Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar telah melawat negeri Kelantan untok menyaksikan

meminta mereka menggalakkan sadikit demi sadikit supaya pendudok² negeri itu berhijerah ka-negara kita.

Enche' Woo Saik Hong (Telok Anson): Mr. Speaker, Sir, I would like to take this opportunity to congratulate the Minister concerned who has put up this programme, and at the same I would like to say that this is one of the boldest steps which the Alliance Government has taken and which no previous Government had ever taken. Previously all that done was mostly for the urban areas, or rather the town or city areas. But now with this programme we are going to help the rural people—we are going to help the poor farmers and the *ra'ayat*. So, as I said just now, it is a bold step that the Alliance Government is taking.

Sir, theoretically this programme is very, very sound, but may I remind the Honourable Minister concerned that at the present moment there are a lot of these *ra'ayat* who have got no land to cultivate. These people might have been resettled or might have been forced to go there. So, Sir, these people have to depend on the land to earn a living. As it is, I know that quite a lot of them have been cultivating here and there, jumping from one spot to another, and some of them have been chased out by the Government for illegal plantation. But anyway I think this is one of the problems that is confronting us today and I hope the Minister concerned will try and do something to solve this problem. Of course, Sir, the land development schemes that have been planned are very good for the future; but then what about for the present because these people do need land to cultivate in order to earn a living. Well, as it is, they are living from hand to mouth. If this problem is not solved I am afraid there will be quite a lot of discontentment among the *ra'ayat*. So, before I sit down, Sir, I would plead to the Minister concerned to look into this matter and try and solve it.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan sub-head 23 di-muka 246 ia-itu R.I.D.A. R.I.D.A. ini, Tuan Yang di-Pertua, mendapat $4,000,000 daripada Kementerian ini. Satu daripada perkara yang saya perhatikan di-dalam R.I.D.A. ini ia-lah bahawa tugas-nya untok memajukan ekonomi dan memberi credit facility serta membuat ranchangan ekonomi dan memberi latehan kapada orang² kampong dan juga memberi perkhidmatan² bagi kesenangan kehidupan orang² kampong. Ini-lah tugas yang di-pikul oleh R.I.D.A. menurut pertubohan-nya. Tuan Yang di-Pertua, R.I.D.A. ini bukan-lah satu badan yang baharu tetapi sudah lama tetapi tidak-lah kita ketahuï apa yang telah di-buat-nya sa-hingga ka-akhir² ini, oleh sebab lambat mengemukakan report-nya kapada kita. Pada 30 hari-bulan November tahun 1960 ini baharu-lah kita dapat report-nya bagi tahun 1958. Kalau kita hendak jadikan report ini sa-bagai panduan fikiran kita dalam Dewan ini maka lapok-lah fikiran kita itu.

Saya harap pada masa yang kahadapan report daripada R.I.D.A. ini di-majukan sadikit penerbitan-nya supaya dapat-lah pemikiran terhadap R.I.D.A. ini tidak bagitu berat. Tuan Yang di-Pertua, dalam menjalankan kerja² ini, R.I.D.A. boleh di-jadikan asas awal berfikir ada mengambil berat di-muka 14 berkenaan dengan perusahaan sabut. Dan menurut ranchangan ini, tahun 1958 telah di-adakan beberapa perchubaan dengan mengadakan jentera² kechil bagi perusahaan sabut. Sabut, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah puncha mata pencharian bagi nelayan² dan orang² yang mempunyaï kawasan kelapa di-tempat-nya terlalu banyak. Maka pada fikiran saya amat-lah mengechiwakan kalau R.I.D.A. sampai waktu-nya itu belum mempunyaï tanda² usaha yang berkembang di-kampong² berkenaan dengan perusahaan sabut ini.

Pada fikiran saya ada dua perkara yang patut di-buat oleh R.I.D.A., sebab saya datang dari kawasan orang yang banyak menjadikan sabut sabagai perusahaan ia-itu mengadakan kilang kechil yang boleh di-pakai oleh sa-suatu keluarga bagi membuat tali atau sa-bagai-nya yang mudah bagi mereka melaksanakan perusahaan

kechil ini di-rumah mereka. Saya perchaya R.I.D.A. telah sanggup sa-telah 2 tahun yang lalu mengemukakan kapada orang² kampong apa jenis machine yang mustahak bagi per-usahaan kechil ini. Jikalau ini pun tidak dapat di-buat maka ada lagi satu jalan ia-itu dengan membeli sabut² yang di-usahakan oleh orang² kampong yang pada masa ini harga sabut itu 40 sen satu kati. Dalam per-temuan saya dengan pegawai R.I.D.A. Negeri Kelantan beberapa bulan yang lalu dia telah menerangkan bahawa sabut ini ada-lah satu benda yang amat di-kehendaki dan maseh lagi banyak pasaran.

Saya telah menchadangkan kapada-nya kalau benar-lah demikian elok-lah Kerajaan mengadakan centre atau pusat bagi membeli sabut daripada ra'ayat yang menjual dengan kati dan Kerajaan menjual sabut itu kapada pehak yang di-katakan maseh banyak kalau hendak membeli-nya. Saya tidak tahu apa yang telah jadi dengan chadangan itu di-sini, tetapi saya ulangkan lagi sa-kali supaya ikhtiar pasaran pada orang² kampong dalam soal sabut dengan Kerajaan membeli sendiri atau apa² jalan asalkan sabut itu dapat di-jadikan satu usaha kechil bagi menambahkan mata pencharian orang² kampong.

Dalam kerja² R.I.D.A. ada juga R.I.D.A. ini mengambil berat tentang soal mengkuang bagi membuat tikar dan sa-bagai-nya. Dalam perjalanan saya berulang alek ka-Kuala Lumpur ini pernah saya singgah di-sabuah tempat bernama Rusila dekat Treng-ganu di-mana memerhatikan latehan yang di-buat di-sana yang di-anjorkan oleh R.I.D.A. bagi perusahaan mem-buat tikar dan membuat hasil² tangan daripada mengkuang. Lama juga saya berchakap² dengan pegawai di-sana dan saya dapati perusahaan itu tidak pulang modal. Entah-lah kalau R.I.D.A. berchadang supaya orang² ini asal bekerja sudah-lah—ini tidak tahu-lah saya, tetapi kalau R.I.D.A. berchadang membimbing ra'ayat kapada perusahaan dan usaha itu menimbulkan satu ke-untongan production yang menambah-kan hasil pendapatan mereka maka saya rasa apa yang di-ajar di-tempat itu tidak-lah menguntongkan.

Tiga orang anak gadis yang di-amanahkan bagi membuat satu helai tikar yang besar, umpama-nya yang boleh menyiapkan tikar itu dalam masa 6 atau 7 hari dan 6 atau 7 hari itu terpaksa-lah dia bekerja dan sa-belum itu terpaksa-lah dia membetul-kan mengkuang-nya di-samping men-chelup mengkuang itu, dan hasil yang 6 atau 7 hari bekerja itu paling banyak kalau dia bekerja dari pagi sampai petang dapat-lah di-antara $17 sampai $19 ia-itu dapat-lah mereka ini $1 satu hari. Saya tidak fikir pengajaran yang saperti ini akan menghidupkan manusia di-zaman modern ini, boleh jadi R.I.D.A. menjawab atau sa-siapa juga men-jawab ini ia-lah usaha sipi² atau tepi², tetapi dalam hendak meng-hidupkan ra'ayat b a g i kemajuan ekonomi tunjokkan-lah kapada mereka satu kesan yang mustahak yang boleh mereka itu hidup dengan jalan ini.

Saya yakin bahawa mereka yang berlateh di-tempat latehan RIDA itu tidak akan menjalankan usaha kalau dia keluar ka-tempat yang lain. Apa-lah daya tidak ada kerja dan masa-nya amat terbuang maka datang-lah kami di-sini membuat kerja ini. Tuan Yang di-Pertua, dasar perkhidmatan saperti ini hendak-lah di-hapuskan dan hendak-lah di-gantikan dengan men-chari panduan kapada mereka itu supaya mendapat satu pekerjaan dan mendapat satu pertukangan tangan yang benar² boleh menghidupkan m e r e k a di-masharakat perusahaan negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, mahu tidak mahu soal yang besar yang di-hadapi oleh RIDA ini ia-lah soal pasaran. Sa-kali sa-kala perchaya-lah juga kita bahawa pasaran ini amat me-nyedehkan, tetapi sa-orang pegawai RIDA Negeri Kelantan yang pada masa ini telah di-hantar mengambil kursus, kata-nya America ada tempah 1,000 hela kain songket yang di-kehendaki pada masa saya berchakap dengan dia, tetapi tidak dapat di-penohi sebab kata-nya kurang orang² yang dapat membuat kain songket itu.

Maka bertanya-lah saya kapada-nya, apa kah yang di-perbuat oleh RIDA? Maka menjawab-lah beliau dengan tawadzu'-nya yang perkara ini sedang kami timbangkan.

Dalam pasaran dan perusahaan timbang menimbang yang panjang akan menghilangkan langganan. Jadi mustahak-lah bagi RIDA ini melayakkan diri-nya memahamkan tuntutan perdagangan kalau dia ingin masok dalam kehidupan itu. Maka kalau-lah telah kita ketahui bahawa tuntutan kapada kain² songket ini banyak, apa-lah salah-nya RIDA mempelupori usaha membanyakkan orang² yang boleh menenun, sebab menurut pegawai² ini tidak ada orang yang boleh menenun di-Kelantan untok membolehkan pengeluaran yang sabagitu banyak. Kalau bagitu-lah kehendak-nya maka menjadi kewajipan-lah bagi RIDA ini menjalankan perusahaan ini.

Pada fikiran saya kalau betul ada ranchangan RIDA yang hendak mempelupori perusahaan batek yang bermodalkan bermilion ringgit, saya rasa sangat berlawanan kerja itu dengan dasar RIDA. Sebab dasar RIDA bukan hendak menjadikan satu company yang besar, tetapi hendak membolehkan ra'ayat supaya memajukan diri mereka dalam perkara ekonomi ini. Jadi bagi maksud ini RIDA hendak-lah menumpukan tenaga-nya bagi melateh orang² kampong supaya boleh berusaha didalam kalangan kampong² yang kechil bagi menambahkan hasil penghidupan-nya.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, Kementerian yang baharu ini ia-itu Kementerian Kemajuan Luar Bandar mendapat peruntokan sa-banyak $20 juta ia-lah satu Kementerian yang sangat² di-hargai oleh seluroh ra'ayat jelata negeri ini dan ra'ayat jelata memandang serta mengambil perhatian yang berat dalam Kementerian ini. Maka untok melaksanakan segala ranchangan²-nya saya berharap Menteri Yang Berhormat akan mengambil berat atas 2 atau 3 perkara yang akan saya chakapkan. Yang pertama ia-lah berkenaan dengan pegawai² yang ada berkhidmat di-peringkat daerah dimana berkhidmat dengan baik dan elok itu maka saya berharap sangat supaya mereka itu jangan di-tukarkan dengan senang-nya. Bukan-lah saya katakan yang ganti-nya tidak boleh menjalankan kerja, tetapi mengambil masa yang panjang pula untok yang baharu itu hendak memahamkan kedudokan² kerja dalam tempat baharu itu.

Yang kedua, saya berharap supaya di-perhatikan dan di-ambil berat terhadap pegawai² technician yang menjalankan kerja²-nya untok segala ranchangan yang akan di-buat supaya kerja² itu betul² elok dan baik. Sebab kita akan mengeluarkan wang yang banyak untok membuat jambatan, tali ayer, perigi, balai raya, surau, dan sekolah maka segala² kerja itu, kita berharap kapada pegawai² ini betul² mengawasi dan menjaga supaya betul² dapat berfaedah daripada wang yang kita keluarkan itu.

Yang ketiga, ia-lah berkenaan dengan peruntokan tanah dalam Group Settlement Areas dan Fringe Alienation, saya harap Menteri Yang Berhormat sa-belum tanah² ini di-khaskan kapada scheme ini supaya tanah² ini betul² tanah yang tidak bertanam apa² sa-lain daripada hutan. Kerana perkara ini telah terjadi dalam daerah saya, dimana tanah² yang di-untokkan atau dipileh oleh pegawai negeri terkena pada tanah² yang telah di-tanam dengan pokok² getah oleh orang² kampong dan jua orang bandar. Sunggoh pun tanah² ini di-tanam dengan tidak mendapat kebenaran Kerajaan tetapi pokok²-nya sudah berumor 4 atau 5 tahun. Tanah² ini jangan-lah dengan lekas sahaja diambil untok di-jadikan scheme saperti yang saya sebutkan tadi. Atas perkara ini, mereka yang menanam itu terpulang-lah kapada hakim yang akan menimbangkan. Ada satu lagi kekeliruan berkenaan dengan tanah² yang di-untokkan kapada Fringe Alienation ia-itu 6 ekar tanah chuma di-beri kapada orang² yang memileki tanah diantara 2 ekar dengan 6 ekar. Jadi, mereka yang ada kurang daripada 2 ekar tadi tidak di-benarkan memilek tanah dalam Fringe Alienation ini. Jadi,

di-sini-lah banyak orang² di-daerah saya merayu supaya menimbangkan balek kapada mereka yang tidak ada tanah yang mana mereka² ini dudok di-kampong di-atas tanah ibu bapa-nya supaya di-bolehkan mereka memilek tanah dalam Fringe Alienation ini. Sa-paroh-nya mereka² berada wang, ada berniaga di-kampong² tetapi tidak di-bolehkan memilek tanah, mengikut tafsiran yang ada pada hari ini, ia-itu 2 ekar ka-bawah tidak boleh memileki tanah dalam Fringe Alienation ini, jadi, saya berharap tafsiran ini dapat di-betulkan supaya membolehkan mereka² itu memileki tanah.

Sekarang, saya suka hendak menjawab sa-tengah daripada perkara[2] yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Selatan dan Yang Berhormat[2] yang lain-nya itu akan di-jawab oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Saya suka-lah hendak memberi tahu berkenaan dengan State Rural Development Committee. Saya mengaku directive nombor satu yang di-berikan kapada semua Kerajaan[2] negeri menetapkan bahawasa-nya Ahli[2] Executive Council sa-lain daripada pegawai Kerajaan. Ahli[2] Dewan Ra'ayat tidak di-kehendaki dudok di-dalam jawatankuasa ini sebab itu soal negeri. Malang-nya Yang Berhormat itu tidak dapat dudok dalam National Council. Sebab Majlis ini mengandongi Menteri[2] sahaja. Untok menjawab Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Selatan suka saya memberi tahu bahawa ke-utamaan[2] ada-lah di-tetapkan oleh Jawatan-kuasa Kemajuan Luar Bandar negeri masing[2]. Jadi, perkara ini terserah-lah kapada Jawatan-kuasa Kemajuan Luar Bandar negeri masing[2] untok menetapkan-nya. Sa-kira-nya Jawatan-kuasa Kemajuan Luar Bandar negeri Trengganu berfikir patut di-utamakan jalan dahulu, itu terpulanglah kapada dia. Tetapi sa-boleh[2]-nya kita suka mengutamakan tanah, dalam pada itu kita tidak-lah boleh membelakangkan soal jalan sebab jalan adalah satu perkara yang mustahak. Tujuan kita membuat Kemajuan Luar Bandar kerana hendak membasmikan kemiskinan di-kawasan luar bandar sebab Kerajaan Perikatan berdasarkan kapada hendak memberi kema'moran kapada Persekutuan Tanah Melayu. Kita mengatakan yang kita hendak beri kema'amoran kapada Persekutuan Tanah Melayu ini dan sebab itu-lah yang kita menjalankan usaha Kemajuan Luar Bandar ini. Dalam pada itu, kalau sa-kira-nya orang memileh Perikatan oleh sebab jasa Ranchangan bangunan Luar Bandar-nya itu apa boleh buat. Itu nasib ta' baik-lah kapada Yang Berhormat ketua party Negara tetapi saya nampak pada 'am-nya Perikatan tentu-lah boleh berjaya

sa-kira-nya party Negara menjadi lapok (*Tepok*). Pendek-nya kejayaan Perikatan ada-lah dudok-nya di-atas kejatohan party pembangkang. Berkenaan jambatan Pasir Mas itu bukan-lah siapa² yang boleh di-salahkan. Dahulu kita mengaku hendak membuat jambatan di-Pasir Mas tetapi semenjak kita mengadakan Ranchangan Kemajuan Luar Bandar, kita hendak mengutamakan kawasan² luar bandar lebeh dahulu. Pasir Mas malang-nya sa-buah bandar. Ranchangan Luar Bandar ini tidak di-buat dengan buta tuli sahaja kerana kita ada Jawatan-kuasa² negeri dan daerah masing².

Berkenaan dengan National Zoo yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah, suka-lah saya memberi tahu bahawasa-nya sekarang ada satu Jawatan-Kuasa untok mengkaji hal itu. Kita tidak-lah mengatakan yang kita hendak mengadakan Zoo ini di-Templer Park. Usaha² mengadakan tapak di-Kuala Lumpur tidak berjaya. Sunggoh pun bagitu, kita sedang berusaha.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan . . . .

Mr. Speaker: Masa sudah tidak mengizinkan.

Tuan Haji Abdul Khalid: Templer Park itu ada satu Jawatan-Kuasa dengan nama "the Friends of the Templer Park Society" dan tugas-nya ia-lah dari satu masa ka-satu masa untok memajukan Society-nya.

In reply to the Honourable Member from Seremban Timor, I would like to say that we give land not only to the rural people, but also we give land to Federal citizens who are landless and who are having lands of uneconomic holding irrespective of whether they are in the urban or rural areas. Publicity has been given, and if there are landless people in the urban areas, who feel that they should be given land, they can come forward. Provided they can stay on the land and provided they comply with all the conditions that are laid down, their applications will be entertained.

Regarding collective farming for school leaving boys, I think that should be subject to the declared policy of the Government.

Berkenaan dengan hujah² yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat wakil Dungun berkenaan dengan Pelajaran Dewasa itu saya ingat sudah saya jawab. Dan berkenaan dengan Development Officer dari kaum wanita yang mana nampak-nya Ahli Yang Berhormat ini berchakap berkenaan kaum wanita walau pun beliau itu bukan wakil wanita, tetapi wakil Dungun, perkara ini ia-lah "service matter." Kita serahkan kapada P.S.C., kalau P.S.C. meletakkan orang² ini bukan-lah kuasa Kementerian Luar Bandar. Berkenaan dengan "Economic Research Officer", memang-lah pegawai itu membuat kerja² research. Jadi tidak payah-lah kita hendak mengajar pegawai itu macham mana hendak membuat kerja² mereka.

Pada fikiran saya bagitu-lah lebeh kurang jawapan yang dapat saya beri, sebab masa pun tidak ada, maka setakat itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh. (*Tepok*).

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menjawab satu dua minit sahaja bagi menambah jawapan² yang telah pun di-beri oleh Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar. Yang pertama saya berasa sangat sukachita kerana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan sekarang menyokong dengan sepenoh²-nya dasar Pembangunan Luar Bandar ini, akan tetapi saya suka menerangkan kapada-nya yang Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini bukan-lah sambongan atau extension dari RIDA. Ini di-buat oleh Kerajaan Perikatan. (*Tepok*). Kerajaan Perikatan sendiri yang bertanggong jawab di-atas hal ini dan berkenaan dengan kemajuan yang di-jalankan oleh Negeri² saperti mana Ahli Yang Berhormat ada mengatakan bahawa negeri Pahang ada banyak maju jika di-bandingkan dari negeri² lain, oleh sebab saya datang dari negeri Pahang. Saya suka menerangkan di-sini bahawa kemajuan² luar bandar yang di-jalankan ini menurut kehendak² sa-suatu tempat itu dan kebolehan Kerajaan Tempatan atau Kerajaan Negeri itu menjalankan-nya. Sa-benar-nya bukan negeri Pahang sahaja bahkan

banyak Negeri² lagi yang mendapat kemajuan yang banyak saperti negeri yang besar ia-itu negeri Perak, oleh sebab Kerajaan Negeri Perak ada banyak wang yang dapat menguntokkan wang dengan sa-bagitu banyak kerana pembangunan luar bandar-nya, jadi Kerajaan Persekutuan tidak payah menguntokkan wang dengan sa-bagitu banyak. Negeri² lain yang kechil saperti Perlis, Melaka, Kedah dan Pahang yang miskin terpaksa-lah Kerajaan Persekutuan menguntokkan wang yang lebeh banyak sedikit.

Saya telah terangkan juga ia-itu dasar pembangunan luar bandar ini ia-lah dasar kebangsaan ia-itu Kerajaan Perikatan ia-lah melancharkan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini, kerana hendak membaiki keadaan hidup ra-'ayat di-luar bandar di-seluroh Tanah Melayu ini dan kejayaan ranchangan ini bergantong kapada dua perkara. Yang pertama kapada kehendak di-tempat² itu dan yang kedua kerjasama yang di-beri oleh Kerajaan² Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada berchakap di-atas perkara ini dengan panjang. Oleh sebab saya ada menghadapkan uchapan terima kaseh saya kapada pegawai² atau ahli² Jawatan-Kuasa di-serata peringkat seluroh Tanah Melayu ini yang telah membuat pekerjaan dengan memuaskan hati. Saya sa-benar-nya tidak suka hendak membuka perkara ini, kerana saya tidak suka hendak menyebutkan Kerajaan² atau parti² yang saya sendiri tidak bertanggong jawab sunggoh pun saya katakan keselurohan-nya pegawai² dan juga Kerajaan² ada bekerja dengan puas hati, tetapi tidak-lah berma'ana di-tiap² tempat yang pekerjaan itu ada memberi puas hati.

Di-Kelantan dan Trengganu pekerjaan² tidak memberi puas hati, bukan-nya sebab pegawai² tetapi oleh sebab pendirian Kerajaan² di-kedua buah Negeri itu. (*Tepok*). Kerajaan Kelantan dan Trengganu tidak menerima dengan sapenoh-nya dasar pembangunan luar bandar Kerajaan Persekutuan dan menolak semua sekali dasar Ranchangan Kemajuan Tanah Kebangsaan kita, oleh sebab mereka itu nampak-nya hendak mengutamakan hal² politik daripada kemajuan ra'ayat, maka itu-lah sebab-nya pekerjaan di-tempat itu tidak berjaya dengan sempurna-nya. (*Tepok*).

Question put, and agreed to.

The sum of $20,228,691 for Heads 50 to 54 ordered to stand part of the Schedule.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 2.30 p.m.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

EXEMPTED BUSINESS

(Motion)

Tun Abdul Razak: Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That the proceedings on Government Business shown in the Order Paper this day shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 7 p.m.

The Minister of Internal Security (Dato' Dr. Ismail): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the proceedings on Government Business shown in the Order Paper this day shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 7 p.m.

BILL

THE SUPPLY BILL, 1961

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

Heads 55 to 60—

The Minister of Transport (Enche' Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, Tuan, saya bangun kerana mengemukakan Anggaran Belanjawan Biasa yang di-minta oleh Kementerian Pengangkutan, ia-itu Kepala² 55 hingga 60 dalam Buku Estimates ini. Dengan izin, Tuan, saya akan huraikan anggaran di-bawah Kepala² ini dengan sa-rentak.

Kepala 55 berthabit dengan wang untok Ibu Pejabat Kementerian. Peruntokan ini ada-lah kurang sa-banyak $61,689 daripada peruntokan tahun lalu, dan ini ada-lah kerana peruntokan

untok perbelanjaan dharurat oleh Perkhidmatan Kereta Api sudah tidak ada lagi; sadikit wang yang maseh dikehendaki ada di-masokkan di-bawah Kepala "Kementerian Keselamatan Dalam Negeri".

Satu perkara baharu ia-lah peruntokan bagi satu jawatan Setia-usaha kapada Majlis Keselamatan di-Jalan Raya Persekutuan; peruntokan ini ada-lah juga untok kaki-tangan dan sa-buah pejabat kechil. Majlis Keselamatan ini telah di-tubohkan oleh sa-orang Menteri Pengangkutan yang terdahulu daripada saya untok menasehatkan Menteri Pengangkutan atas perkara² yang berthabit dengan keselamatan di-jalan² raya. Ini termasok-lah pendidekan kapada kanak² atas chara² bagaimana hendak mengelakkan diri mereka daripada bahaya di-jalan² raya. Di-antara kerja²-nya pada tahun ini ia-lah Majlis ini telah memberi sumbangan-nya untok mengeluarkan dua film berkenaan dengan keselamatan di-jalan raya, membuat slides dan menganjorkan pertandingan karang-mengarang bagi kanak² sekolah. Sa-hingga hari ini, walau pun kerja²-nya telah tergendala oleh ketiadaan Setia-usaha yang tertentu untok-nya, Majlis ini telah berjalan dan membuat kerja² yang berfaedah. Dengan tertuboh-nya satu pejabat yang tetap pada tahun depan itu, kerja²-nya boleh di-perluaskan, dan tentu akan memberi kesan kapada usaha² Kerajaan hendak menjaga dengan lebeh baik keadaan keselamatan di-jalan² raya. Usaha² ini sangat-lah di-kehendaki. Saya juga berharap pada masa depan dapat mengumumkan lain² chara yang boleh membantu tugas menjaga keselamatan di-jalan² raya itu dan chara² ini sekarang sedang di-kaji dan di-semak dalam Kementerian saya.

Kepala 56 ia-lah berkenaan dengan Penerbangan Awam. Kerja² yang paling penting sekarang ini tentu-lah kerja² yang berkaitan dengan Pengkalan Kapal Terbang International untok Ibu Kota Kuala Lumpur, dan saya berchadang hendak membicharakan perkara ini apabila kita sampai kapada Anggaran Pembangunan nanti. Malayan Airways Limited, Sharikat Kapal Terbang negeri kita, terus berkhidmat dengan selamat dan chekap.. Kedua² sharikat ini dan Kementerian saya sentiasa memerhatikan dengan teliti-nya kehendak² orang² awam kapada perkhidmatan udara, dan jadual Malayan Airways ini sekarang ada-lah sedang di-kaji untok apa² perubahan yang perlu. Saya perchaya perkhidmatan yang baharu ini kelak akan di-terima baik dan di-gunakan oleh orang ramai. Kami bertujuan hendak mengadakan penerbangan terus di-antara Kuala Lumpur dan Kota Bharu, dan apabila alat² di-padang kapal terbang Kuala Trengganu itu chukup kelak kami bertujuan hendak mengadakan perkhidmatan Dakota ka-Kuala Trengganu juga.

Anggaran wang untok Penerbangan Awam ini ada-lah kurang daripada yang telah di-peruntokkan kapada tahun 1960, dan ini ia-lah kerana kekurangan belanja khas (Special Expenditure). Kerjasama Royal Malayan Air Force telah di-dapati untok menyediakan usaha² Keselamatan dan Bomba (Aerodrome Fire dan Rescue) sa-lepas Royal Air Force keluar dari Pengkalan Kapal Terbang Kuala Lumpur itu, dan oleh yang demikian tidak-lah mustahak di-tambah kaki-tangan Jabatan Penerbangan Awam itu. Pengkalan Kapal Terbang yang baharu itu kelak tentu akan berkehendakkan lebeh banyak pegawai², dan sa-bagai persediaan pegawai² Air Traffic Control di-chadangkan akan di-tambah sa-banyak 7 orang supaya letehan dalam kerja mereka itu dapat di-jalankan pada tahun depan.

Kerajaan telah menerima jemputan supaya menjadi anggota Commonwealth Advisory Aeronautical Research Council, dan bayaran-nya ada-lah di-Kepala Kechil 4. Tujuan utama Majlis ini ia-lah hendak memupok kemajuan dan menggalakkan siasatan dalam hal² penerbangan dan udara di-seluroh Commonwealth dan juga menimbangkan masaalah² yang berbangkit di-dalam negeri² Commonwealth. Persekutuan mengambil bahagian dalam kerja²-nya itu.

Kepala 57 meliputi Jabatan Chuacha dan Udara. Perkhidmatan Chuacha dan Udara ini ada-lah mustahak kapada Penerbangan Awam dan membantu banyak perusahaan, saperti perusahaan menangkap ikan dengan mengadakan radar yang memberi amaran tentang

ribut dan yang bersangkutan dengan ribut. Kemudahan² ini akan terus diberikan. Sa-bagai anggota World Meteorological Organisation, kita di-kehendaki memberi keterangan² yang tepat mengenaï keadaan chuacha dan udara.

Di-bawah Kepala ini jumlah wang yang di-minta tidak berbeza sangat dengan peruntokan tahun lalu. Tambahan kapada Kepala Kechil 4 itu ia-lah untok belanja menjaga radar ribut yang kedua yang telah di-dirikan di-Pengkalan Kapal Terbang, Kuala Lumpur. Tambahan kapada Kepala Kechil 3 itu ia-lah kerana perbelanjaan mengenaï sa-paroh² perkhidmatan chuacha dan udara yang di-bahagi di-antara Persekutuan dan negara² lain yang menggunakan perkhidmatan jabatan itu telah naik mengikut bahagian masing².

Kepala 58 ia-lah Jabatan Laut. Jabatan ini memberi berbagai perkhidmatan kapada perkapalan tempatan dan international di-pelabohan² Persekutuan, dan perkhidmatan ini mesti-lah di-jalankan sa-taraf dengan darjat international. Jabatan ini, melaluï Lembaga Light Dues, ada-lah bertanggong jawab untok menjaga rumah² api dan memberi berbagai pertolongan kapada kapal² di-sekeliling pantai kita. Jabatan ini juga menjalankan kehendak² Merchant Shipping Ordinance serta atoran² yang banyak berkaitan dengan Ordinance ini.

Jumlah wang yang di-minta untok tahun 1961 ini ada-lah lebeh $80,808 daripada tahun lalu. Saya meminta tambahan satu jawatan Senior Marine Officer yang akan di-berikan tanggong jawab menjaga Kedah dan Perlis; dan satu jawatan Boarding Officer, Grade 1, yang baharu untok Pahang, kerana sekarang ini tidak ada pegawai demikian di-Kuantan. Satu jawatan G.C.S. (Timescale) di-Pejabat Shahbandar di-Pulau Pinang akan di-naikkan kapada Special Grade dan satu jawatan jurutaip baharu ada-lah di-minta untok Ibu Pejabat, Jabatan Laut. Kepala Kechil 6, Transport dan Travelling, ada-lah sama juga saperti peruntokan tahun yang lalu. Jabatan Laut ini mempunyaï lebeh kurang 650 kaki-tangan; Shahbandar mesti melawat kawasan-nya; Pegawai Boarding dan lain² selalu bergilir² menjalankan kerja²-nya kasana ka-mari, anak² kapal mendapat biaya malam apabila di-laut. Oleh itu banyak juga wang mesti di-peruntokkan di-bawah Kepala Kechil ini.

Sa-buah kapal gali tanah sekarang ini sedang di-bena, dan wang untok kaki-tangan-nya ada-lah di-minta dalam Anggaran ini. Kerja gali-menggali kerana mendalamkan pelabohan kita sekarang ini mesti di-perluaskan supaya keadaan pelabohan² kechil kita itu boleh di-baikkan.

Kepala 59—Siasatan Laut. Jabatan ini mempunyaï sa-buah pejabat kechil di-Pulau Pinang. Tugas-nya ia-lah memereksa keadaan kapal² dan mengeluarkan surat² akuan saperti yang di-kehendaki oleh Merchant Shipping Ordinance. Peruntokan wang yang di-minta di-bawah Kepala ini ada-lah jelas dan saya fikir tidak perlu di-terangkan lagi.

Kepala 60—Pengangkutan Jalan Raya. Peruntokan untok Jabatan ini pada tahun 1961 ada-lah lebeh sa-banyak $212,534 daripada peruntokan tahun lalu. Tetapi di-bawah Other Charges Annually Recurrent, Kepala Kechil 6, wang sa-banyak $1,000,000 itu ia-lah untok mereka² yang menyerahkan lesen² yang belum mati, lenchana², taxi² plate; dan oleh itu wang ini bukan-lah sa-benar-nya perbelanjaan. Tuan² yang mempunyaï kereta² barangkali suka mendengar bahawa, mithal-nya, sa-buah bas itu rosak, wang lesen-nya di-kira daripada hari rosak-nya itu boleh di-minta balek daripada Jabatan Pengangkutan Jalan Raya. Bagitu juga apabila lenchana² dan taxi² plate di-kembalikan dengan keadaan yang baik, wang akan di-bayar balek.

Tiap² tahun jumlah kereta² bertambah dan kerja mengeluarkan lesen² pemandu, lesen² kereta pakai, dan lesen² kereta sewa atau perniagaan pun bertambah juga. Di-sini bagi pehak Kementerian saya suka menerangkan kapada Ahli² Yang Berhormat bilangan kereta hingga akhir bulan August, 1960, ini ada 173,285 kalau di-bandingkan dengan bulan August tahun yang lalu ia-lah 146,725 ini menunjokkan kereta telah bertambah sa-banyak 26,560 dalam tahun ini. Oleh sebab ini, dan

juga Lembaga² Pelesen di-tubohkan di-bawah Road Traffic Ordinance, 1958, wang untok 16 kerani G.C.S. baharu ada-lah di-minta. Sa-lain daripada itu 14 Pemereksa² Pemandu Kereta akan di-tambah untok terutama-nya menyelesaikan permohonan² yang bertimbun² sekarang ini. Sa-lepas ini saya harap permohonan² akan dapat di-layan dengan segera. Oleh kerana jawatan² baharu ini, dan juga kepentingan kerja² Pegawai Enforcement, wang peruntokan di-bawah Kepala Kechil 7, Transport dan Travelling ada-lah di-tambah, tetapi saya suka mengingatkan Ahli² Yang Berhormat bahawa ini akan menghasilkan wang pendapatan daripada pembayaran lesen² dan sa-bagai-nya yang bertambah, dan juga tambahan peruntokan wang ini telah di-kaji dengan halus-nya oleh Jabatan Perbendaharaan.

Lembaga Pelesen Pusat telah di-tubohkan pada 2 April untok menjalankan urusan² pelesen kereta² perniagaan yang akan berjalan di-antara dua atau lebeh daripada dua Bahagian. Lembaga ini telah menjalankan kerja-nya dengan sangat baik dan saya suka menguchapkan terima kaseh kapada Pengerusi dan anggota²-nya. Berkenaan dengan Lembaga² Pelesen Bahagian, kerja²-nya sekarang ini ada-lah di-jalankan oleh Pendaftar dan Pemereksa Kereta², bagi sementara waktu: undang² berkehendakkan saya berunding dengan Kerajaan² Negeri atas penubohan Lembaga² ini, dan perundingan ini sudah pun hampir tamat. Insha Allah, tidak berapa lama lagi Lembaga² ini akan di-tubohkan sarentak di-tiap² negeri.

Kerajaan terus menjalankan dasar-nya hendak menggalakkan orang² Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan pengangkutan, dan, dengan berbagai nasihat dan galakan, saya berasa sukachita bahawa kita ada-lah menchapai kejayaan. Jumlah lesen² lori yang di-punyaï oleh orang² Melayu pada 31 October, 1960, ia-lah lesen² "A" 77; lesen² "B" 208; dan lesen² "C" 294. Pada bulan yang sama tahun lalu jumlah-nya ia-lah lesen² "A" 73; lesen² "B" 197; dan lesen² "C" 249. Dalam perusahaan bas sekarang ini ada tidak kurang daripada 16 sharikat kepunyaan orang² Melayu, dan 45 sharikat yang di-punyaï bersama² dengan bangsa² lain. Saya telah beri keterangan yang penoh mengenaï lesen² taxi dalam jawapan saya kapada satu soalan yang di-kemukakan dalam meshuarat ini, dan keterangan saya itu menunjokkan kejayaan juga dari segi mengeluarkan taxi.

Semenjak dasar Kerajaan menggalakkan orang² Melayu dalam perusahaan pengangkutan ini di-jalankan, banyak sharikat bangsa² asing apabila memperluaskan perniagaan mereka telah membukakan pintu kapada modal orang Melayu, dan saya tidak khuatir bahawa mereka akan terus berbuat demikian. Saya harap orang² Melayu akan bersemuafakat mengambil peluang yang baik saperti ini. Sa-lain daripada itu saya harap sharikat² Melayu yang kechil² akan dapat berchantum satu sama lain supaya sharikat² yang besar serta kuat boleh di-bangunkan untok kebaikan ekonomi-nya sendiri.

Satu perkara yang sangat mengharukan Kerajaan ia-lah apa yang di-sebutkan orang "Melayu jual Melayu" atau "Ali Baba" tetapi saya tidak menudoh kerana menggunakan perkataan itu. Perbuatan ini yang sa-benar-nya salah di-bawah section 125, Road Traffic Ordinance itu menyewa atau memindahkan lesen² kereta sewa atau kereta perniagaan kapada orang lain. Kita tidak dapat mengambil tindakan kerana tidak ada keterangan. Walau bagaimana pun, saya suka memberi pengakuan semenjak saya memegang jawatan Menteri Kenderaan, dalam tahun lalu 30 lesen² (lebeh daripada separoh kepunyaan orang² Melayu) telah di-mansokhkan oleh kerana kesalahan ini—orang yang bukan Melayu ada juga; banyak lagi sedang di-siasat. Sa-kali lagi saya menyeru kapada orang ramai dan Ahli² Yang Berhormat supaya bekerjasama dengan Kementerian saya dengan chara memberi ma'alumat berkenaan dengan perkara ini supaya dapat di-siasat dan di-ambil tindakan yang sewajar-nya. Dan akan dapat membaiki keadaan hak istimewa orang Melayu dalam soal kereta sewa ini. Perkara ini sudah kurang dan saya perchaya dengan kerjasama yang saya minta itu, masaalah ini akan dapat di-selesaikan.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan berkenaan dengan Malayanisation. Dengan sukachita saya menerangkan dalam Jabatan Chuacha dan Udara, Pengarah-nya ada-lah anak negeri ini, dan saya menguchapkan tahniah (*Tepok*). Yang kedua berkenaan dengan Transport. Sa-bagaimana yang telah saya katakan pada tahun yang lalu hanya sa-orang sahaja Expatriate Officer ia-itu Commissioner yang konterek-nya disambong sa-tahun yang mana akan tamat pada bulan August. Saya harap anak negeri ini akan mengambil tempat-nya itu, dan pegawai kanan anak negeri ini telah menjalankan kerja-nya dengan puas hati. Dalam Pejabat Kereta Api pula walau pun bab ini tidak ada bahagian ini, tetapi oleh kerana Malayanisation, saya suka menerangkan sekarang ini kita mempunyai sa-orang anak negeri ini, yang semua orang kenal, ia-itu Dato' Ahmad Perang telah menjadi Deputy Manager. Kita harap awal tahun hadapan, kita akan dapat mengadakan . . . . .

Mr. Speaker: That is not relevant.

Enche' Sardon: Jadi itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya chuma membayangkan kapada Ahli² Yang Berhormat.

Enche' Hussein bin Mohamed Noordin (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Enforcement Officers yang disebutkan dalam Item 8. Kita telah mendengar daripada Yang Berhormat Menteri Kenderaan ia-itu lesen kereta telah bertambah daripada tahun yang lalu. Saya perchaya banyak jalan raya telah di-buat oleh Kerajaan di-luar bandar. Jadi pada masa ini keadaan luar bandar telah bertukar chorak ia-itu kebanyakan orang luar bandar yang dahulu-nya tidak ada kereta sekarang telah membeli kereta, kerana berjalan ka-bandar dan menjalankan urusan Kerajaan. Nampak-nya lesen² yang diberi kapada satu² tempat yang kechil di-luar bandar sangat sadikit. Ada juga di-antara pendudok di-luar bandar orang Melayu khas-nya, ingin hendak berniaga ia-itu membawa taxi, disebabkan undang²-nya keras, maka mereka itu tidak dapat lesen, maka terpaksa-lah mereka itu menjalankan kerja-nya dengan churi ayam.

Di-kawasan saya telah ada dua jalan yang di-buat dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, pendudok di-kawasan itu ramai-nya 60,000. Pendudok di-situ telah mula hendak berjalan ka-pekan dan ka-lain² negeri, sa-tengah daripada mereka itu tidak mahu naik bas, mereka hendak naik kereta yang elok. Pendudok di-kawasan saya itu bukan semua-nya yang miskin, ada juga yang kaya.

Maka sekarang ini hanya taxi di-kawasan itu chuma sa-bilangan kechil dan terpaksa-lah banyak churi ayam di-sana. Maka dengan ada-nya pula taxi churi ayam ini Kerajaan-lah yang patut mengambil tindakan tetapi dengan tindakan itu di-ambil maka datang-lah parti² masok dalam kawasan saya itu mengaku mereka akan membela orang² itu. Sekarang, apa sebab-nya saya hendak berchakap di-item (8) ini, saya dapati keterangan daripada Menteri tadi yang mengatakan banyak motor-car² accident dan banyak pula Melayu jual Melayu. Berhubong dengan item (8) ini patut di-tambah lagi Enforcement Officer ini di-tiap² negeri.

Lagi satu perkara yang suka saya chakapkan di-sini, fasal item (11) Driving Testers. Di-sini nampak-nya ada 34 Driving Tester dan 14 telah di-penohi. Saya dapati chuma sa-orang sahaja Melayu daripada 14 orang itu dapat kerja dalam Driving Tester ini. Jadi, 13 di-penohi oleh bangsa asing. Dari apa yang saya ketahui bahawa wanita² pun sudah mula hendak belajar membawa motor-car. Saya telah di-beritahu oleh sahabat saya terhadap Driving Tester sa-masa hendak mengambil licence dia berchakap dengan bahasa orang Inggeris. Jadi sahabat saya itu ta' tahu berbahasa Inggeris apabila di-suroh oleh Tester "turn left" dia "turn right." Jadi, patut-lah di-untokkan kapada Melayu di-dalam Driving Tester ini.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap dalam Head 58—Marine. Dalam item (27) sampai item (66) semua sakali. Di-sini saya telah terbacha dalam

Strait Times berkenaan dengan Port Swettenham. Saya shorkan kapada Kementerian ini patut-lah . . . .

Enche' Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, sa-belum perkara ini panjang, Marine ini tidak ada kena mengena dengan . . . .

Enche' Hussein bin Mohd. Noordin: Kalau bagitu, Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kapada Head 55 berkenaan kewajipan dan tugas Menteri Kenderaan. Ini, saya chuma hendak menchadangkan supaya Menteri ini mengadakan satu survey berkenaan pelabohan[2] dalam Tanah Melayu di-jadi sa-bagai sa-buah pelabohan national. Saya mengemukakan ini ia-itu Swettenham habour telah pun di-atorkan sa-bagai pelabohan national. Jadi sekarang di-Lumut telah pun ada satu jeti yang di-buat oleh private Iron Ore Company mengisi barang[2] daripada darat ka-laut—di-masokkan ka-dalam kapal. Saya telah terdapat dalam akhbar ia-itu lori yang membawa iron ore ka-Pulau Pinang telah berlaku beberapa kelanggaran dan membawa maut di-dalam kawasan Perak. Jika sa-kira-nya di-adakan port di-Lumut maka dapat-lah lori[2] itu daripada Ipoh ka-Pulau Pinang di-teruskan ka-Lumut. Di-masa sa-belum perang Dunia II, ada sa-batang jalan kereta api dari Ipoh ka-Teronoh tetapi oleh sebab keadaan dahulu kawasan ini tidak ada bijeh timah maka railroad ini tidak di-usahakan. Tetapi keadaan masa sekarang ini sudah berlainan. Kawasan ini ada Trans-Perak mengeluarkan berapa ribu tan padi dan di-kawasan itu akan mengeluarkan 10,000 ekar tanah mula di-tanam getah. Di-Lumut ini didapati ada bendang dan ada getah serta mengeluarkan ikan. Dengan yang demikian jika port baharu dapat dibuat ia-itu kita dapat sambongkan jalan kereta api daripada Ipoh-Lumut saya perchaya port di-Lumut itu akan menjadi besar faedah-nya daripada port di-Klang Straits. Jadi, saya harap Menteri yang berkenaan dapat menimbangkan shor saya ini.

Enche' V. Veerappen (Seberang Selatan): Mr. Speaker, Sir, I wish to make a few comments on Head 50, page 270, item (11), Driving Testers. I notice, Sir, that there is an increase of 14 new posts for the coming year. However, I am a bit apprehensive as to whether this number will be sufficient to clear the large backlog that is existing in our country. If you look at the figures for Penang, you will find that some of the persons who submit themselves for driving tests have to wait from eight months to a year. I am sure you all will agree that this is very unsatisfactory. I also wonder whether the Ministry will be able to get these driving testers, because I notice that in the last year they published two advertisements for the posts and I wonder what happened. I am sure there must be something wrong somewhere, and if the Ministry cannot get full-time testers, they could at least find a way of getting temporary driving testers or even part-time testers for that. The Honourable the Minister of Transport is shaking his head (*laughter*), but I am sure he must be able to find a . . . .

Mr. Speaker: Don't look at him! (*Laughter*).

Enche' V. Veerappen: Talking about this Head, I understand that the Commissioner is the authority responsible for the issuing of licences for taxis and so forth.

Enche' Sardon bin Haji Jubir: Mr. Speaker, Sir, on a point of clarification before the Honourable Member goes further. I think he is not right. The appropriate authority is the Regional Licensing Board and it is not the Commissioner.

Enche' V. Veerappen: Anyway, I am sure the Minister will agree that this is under his Ministry.

Mr. Speaker: Order! I do not know what is going on here.

Enche' V. Veerappen: Thank you, Sir. Anyway, I take it that this Board is under the Minister of Transport. I am quite dissatisfied with the issuing of taxi licences to existing bus companies. From the reply, which he was talking about just now, to written question No. 49 on 30th November we

find that a total of 300-over taxi licences have been given to bus company operators. Now, Sir, we should try and encourage our unemployed persons to get these taxi licences and operate them and thereby earn a living. I do not see why the bus companies, which in most cases are making huge sums of profit, should be allowed these additional facilities for earning more money when there are so many of our citizens who cannot find employment and thereby earn a living. Talking of bus companies reminds me of the service that these bus companies provide.

Mr. Speaker: You are dealing with which item?

Enche' V. Veerappen: Minister of Transport.

Mr. Speaker: I have got here only the Minister's salary, $36,000 per year. What you can do is to suggest only.

Enche' V. Veerappen: The Minister made reference to taxis in his speech, Sir. I take it that these bus companies are public utility services; in other words, they are supposed to provide service for the benefit of the public. But from what has been going on, they are providing service for their own profits, in other words, what I am trying to say is that they operate only where they can make a profit. Now there are large areas where people require bus routes. When they put in their application through the District Officer to the proper authority, and the District Officer too recommends that a service is required, the people in the Road Transport Department send a letter back saying "We have to consult with the bus company", and finally you get a reply saying that the bus company says they cannot provide a service because it is uneconomical—in other words, they cannot make a profit—but if the people living there want to run a route, the Department is prepared to grant them a permit to run the service. Now, Sir, they take the routes in which they can make all the profits, and when they cannot make a profit, they do not want to provide a service. In this case, how can these poor people get together and run a service for themselves? If that is the case I think we should review the whole system of permits to these bus companies. The same thing applies to schools. The service provided for school children too is very unsatisfactory. I know that in my place the company refused to run extra buses during those times when the children have to go to school. They told the school: "You buy a bus and run the bus yourself. We cannot provide that." If that is the attitude, then how can we call it a public utility service? Is it to serve the public or to serve the capitalists who run these companies? I hope the Minister will find a solution for this.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Administration dan Publicity sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam Subhead 5 dan 7. Saya dapati peruntokan bagi Road Safety Council tidak menchukupi, perkara ini patut di-lebehkan lagi, kerana di-dalam uchapan Yang Berhormat Menteri Kenderaan menerangkan guna-nya Road Safety Council ia-lah hendak memberi pelajaran kapada kanak² bagi keselamatan jalan raya. Saya rasa tidak memadaï kanak² sahaja di-beri pelajaran keselamatan jalan raya ini, tetapi derebar² lori juga di-beri pelajaran—(AN HONOURABLE MEMBER. Betul). Di-tempat saya ia-itu Raub, kebanyakan lori² yang datang dari Selangor lari kuat walau pun di-belakang lori itu ada tanda 35 batu sa-jam tambahan pula jalan di-sana kechil dan bengkang-bengkok, tetapi mereka tidak hiraukan, dan derebar² ini sombong kata-nya, "Ini bukan lesen kopi-o Sakai". Ini telah menaikkan perasaan orang di-situ, nampak-nya derebar lori luar daripada Pahang menyangkakan orang Raub semua Sakai (*Ketawa*)—Menteri Kenderaan patut mengambil berat sadikit apabila mengeluarkan lesen ia-itu hendak-lah mengadakan satu sharat kapada derebar lori yang masok ka-Pahang hendak-lah menjalankan lori-nya dengan perlahan.

Ada satu jalan pergi ka-Batu Balam dan Batu Malim di-mana di-situ ada sa-buah sekolah ia-itu Methodist Girl School, murid² ini memakai gown puteh merah. Lori² yang lalu di-situ

chukup laju, kerana mereka hendak mengambil kayu untok di-bawa ka-Kuala Lumpur dan balek ka-sana. Walau pun perkara ini bukan jagaan Menteri Pengangkutan, tetapi saya harap Menteri Pengangkutan berhubong dengan Menteri yang berkenaan.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan pentadbiran Kementerian ini. Satu daripada perkara yang di-bangkitkan oleh Menteri Yang Berhormat tadi ia-lah berkenaan dengan taxi plate. Tuan Yang di-Pertua, "Ali Baba" yang dapat gelaran baharu ini walau pun dahulu telah di-bangkitkan dalam Dewan ini, saya hendak mengemukakan kapada Menteri Yang Berhormat satu shor yang saya harap dapat di-timbang-nya—dan kalau menimbangkan-nya jangan di-Dewan ini, bawa-lah perkara ini ka-dalam Kementerian dan fikirkan. Sebab kalau di-timbangkan di-sini, jawab-nya lekas ia-itu tidak boleh. Soal-nya ia-lah kita mahu tidak mahu, kita terpaksa mengakuï bahawa sistem "Ali Baba" yang tidak halal ini tidak timbul dengan sendiri-nya, tetapi timbul dengan 'demand' dengan kehendak orang, sa-kira-nya orang tidak mementingkan kenderaan lebeh daripada kenderaan yang berlesen, tentu-lah tidak ada tempat "Ali Baba" ini boleh berjalan. Jadi nyata perkembangan taxi yang saperti ini ada-lah di-pupok, di-bajaï dan di-suborkan oleh kehendak orang satu² tempat itu supaya mendapat kenderaan lebeh banyak. Pada fikiran saya elok-lah Kementerian ini memikirkan penambahan taxi plate di-tempat² yang difikirkan terlalu banyak taxi² yang tidak halal. Adakan perkhidmatan bas ditempat yang tidak sempurna.

Umpama-nya di-Bachok, di-kawasan saya, termashhor-lah pengangkutan sachara ini, apabila di-siasat bagaimana mereka ini dapat hidup dan bagaimana mereka ini dapat berjalan, sedangkan Kementerian ini melakukan dengan kerjasama dari pehak Polis sa-kurang²-nya mangawal atas kereta² itu. Nampak kapada saya sebab mereka ini boleh kekal tuntutan keadaan hidup yang menggalakkan wujud manusia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak sangat laris-nya maka dapat-lah mereka memikul beban denda dan akibat² yang lain di-kenakan kapada mereka itu. Jadi, oleh sebab nyata ditempat itu maseh berkehendakkan motor-car atau kenderaan yang lebeh banyak. Ini satu fact dan kenyataan ini hendak-lah di-jadikan tumpuan kapada Kementerian ini supaya ditempat² yang saperti itu di-fikirkan bagaimana-kah supaya boleh di-tambah bilang plate² supaya dapat mengawal perbuatan haram itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kekerasan Undang² sahaja tidak chukup dengan tidak di-pandang dari segi tuntutan ekonomi ra'ayat itu. Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, Commissioner of Transport tentu-lah juga ada memerhatikan soal² kereta yang laju dan Menteri ini juga tentu-lah ada kewajipan mendengar shor, sa-kurang²-nya berkenaan dengan kereta² yang laju ini. Saya fikir keadaan yang telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Raub itu tidak luar biasa di-Tanah Melayu ini. Apa-kah kata Menteri Yang Berhormat ini dengan kita tambah lagi satu system di-dalam perjalanan kenderaan di-Tanah Melayu ini ia-itu sekarang ini ada satu kawasan 30 batu satu jam dan ada 20 batu satu jam saperti di-Batu Road dan ada 25 batu satu jam dan kita juga ada kawasan yang tidak berhad sampai 98 batu satu jam. Tetapi ada kawasan yang saya jumpa ia-lah Port Dickson 40 batu satu jam. Saya rasa, patut-lah Kementerian ini memikirkan ia-itu mengembangkan peratoran 40 batu satu jam. Hendak kita tahan sampai 30 batu satu jam boleh jadi akan melambatkan perjalanan dan akan mengakibatkan kesusahan kapada pembawa² kenderaan. Tetapi jika kawasan itu kawasan yang nyata kapada Kementerian ini kawasan merbahaya, tidak payah-lah di-gunakan peratoran baharu maka patut-lah di-gunakan sukatan 40 batu satu jam kapada kereta² yang melaluï kawasan itu. Ini tidak-lah membantutkan sangat perjalanan motor-car sebab di-antara 40 dengan 50 batu satu jam tidak terlalu laju. Saya harap supaya dapat difikirkan oleh Kementerian ini.

Enche' Mohamed bin Ujang (Jelebu-Jempol): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sadikit berkenaan dengan usaha² orang Melayu dalam pengangkutan ini sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Menteri tadi. Saya fikir soal orang Melayu menchampori dalam usaha pengangkutan ini ada-lah satu perkara yang berat kerana sunggoh pun Menteri kita sudah menjalankan usaha-nya dengan daya upaya tetapi saya nampak banyak juga lagi perkara yang harus mendapat perhatian dalam menjayakan-nya. Umpama-nya sunggoh pun Menteri itu barangkali sudah menasehatkan menerusi surat khabar dan sa-bagai-nya supaya orang² Melayu jangan sa-kali² menyewakan licence-nya kapada bangsa asing tetapi maseh juga berjalan lagi. Ini menunjokkan bahawa nasehat sahaja tidak-lah menchukupi melainkan hendak-lah di-adakan satu atoran atau peratoran dalam perkara ini.

Satu lagi, saya dapati satu masaalah yang Menteri ini sa-kira-nya di-bukakan jalan baharu hendak-lah juga di-bagikan kapada bas² orang Melayu tetapi sa-telah di-amalkan saya nampak perkara itu sa-kali² tidak memberi faedah. Kerana ada satu tempat mithal-nya jalan daripada "A" sampai ka-"B" ia-itu 50 batu maka ada-lah pula chabang jalan baharu dan jalan itu di-bagikan kapada orang Melayu tetapi jalan itu ada-lah jalan mati. Jadi, saya dapati dalam sa-tahun lebeh²-nya company itu pun mati. Saya fikir perkara sa-macham ini jangan-lah berlaku lagi dan saya harap Menteri akan dapat membentok satu Jawatan-Kuasa untok mengkaji soal² yang sangat penting ini.

Saya bersetuju dengan wakil Seberang Selatan tadi yang mengatakan ia-itu Kerajaan hendak-lah menggalakkan berlaku-nya licence² taxi di-berikan kapada tauke² bus. Dalam Dewan ini jawapan telah di-beri kapada soalan saya ini yang menunjokkan lebeh kurang 300 licence² telah di-bagi kapada tauke² bus. Sa-lain daripada itu saya dapati banyak pemandu² taxi orang Melayu yang betul² berhajat hendak membeli taxi tetapi oleh sebab bilangan licence² itu tidak dapat di-tambah lagi maka mereka itu terpaksa makan gaji atau menyewa kereta daripada tauke² bas yang menyewakan kereta-nya $12.00 atau $30.00 sa-hari. Jadi, saya nampak keadaan ini sangat-lah tidak memuaskan hati dan saya harap saperti yang di-katakan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi, perkara ini hendak-lah mendapat timbangan oleh Kementerian yang berkenaan.

Lagi satu perkara berkenaan dengan Road Taxi ini. Ini ada-lah chadangan yang chukup baik tetapi menurut keterangan Yang Berhormat Menteri tadi langkah² sudah di-ambil tetapi perkara itu tidak berjalan betul. Masa yang akan datang ini menurut keadaan wang yang ada ini nampak-lah perkara ini dapat di-jalankan dengan lebeh kemas lagi dan hasil-nya lebeh baik. Tetapi, saya suka-lah memberi pandangan dalam perkara ini kerana walau pun kita menjaga-nya tetapi kalau sa-kira-nya tidak ada satu badan atau satu benda atau governor untok menjaga pemandu² kereta yang menjalankan kereta-nya lebeh daripada speed yang di-tentukan maka perkara ini tidak menghasilkan juga. Jadi, saya harap dengan ada-nya wang yang di-untokkan ini perkara ini akan dapat di-jalankan dengan lebeh baik lagi.

Enche' Tan Cheng Bee (Bagan): Mr. Speaker, Sir, I would like to refer to items (11) and (12) Driving Testers and Examiners, on page 270. Sir, I see that the provision has been increased to provide for an increased number of driving testers in 1961, and I would appeal to the Minister to have a permanent driving tester stationed at Butterworth for the convenience of applicants in Province Wellesley. As it is, the applicants have got to go all the way to Penang to take their driving tests there. So are the vehicles to be examined. They are now being examined only once a week at Butterworth, and I ask that a permanent examiner be also stationed at Butterworth so that he can examine all the vehicles there everyday (barring holidays).

Sir, now I would like to refer to page 267, under Other Charges, Annually Recurrent, sub-head 3, Maintenance. Under "Remarks" column, Sir, we have

item (5) Vessels and Vehicles, and this provision has been increased from $204,000 to $310,000. I appeal to the Minister not to forget, when he wants to place any order for vehicles or launches, that at Butterworth we have the Sungei Nyor Dockyard which can build good vessels and launches. I think the Sungei Nyor Dockyard has met with much setback after the war, so much so that they have reduced their employees from about 500 people to only 200 people. It would be a pity if this Dockyard, which not only gives employment but acts as a training ground for most of our local people, were to close down due to lack of encouragement from the Ministry.

Wan Mustapha bin Haji Ali (Kelantan Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Registrar and Inspector of Motor Vehicles dan Enforcement Officer. Saya agak Registrar ini tanggong jawab-nya sa-bagai Ketua Pejabat dalam sa-buah negeri ia-lah mendaftarkan kereta². Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengshorkan kapada Menteri yang berkenaan supaya Registrar ini mengambil perhatian berkenaan dengan Road Signs. Kadang² Road Signs itu tidak senonoh, umpama-nya traffic light di-Batu Road, itu di-sabelah kiri dan di-Campbell Road di-sabelah kanan, dan sa-belum sampai ka-Odeon Theatre kereta tidak boleh pusing kanan, tetapi saya hairan kereta datang dari Pahang Road dekat Odeon Theatre itu boleh pusing kanan. Ini menyebabkan traffic jam, dua tiga hari dahulu saya lihat 20-30 tidak boleh berjalan, saya ada di-belakang . . . .

Enche' Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Perkara itu tidak ada peruntokan-nya dalam Anggaran Perbelanjaan ini. Perkara itu tanggongan Municipal.

Wan Mustapha bin Haji Ali: I am suggesting . . . .

Mr. Speaker: Fasal Road Signs itu tanggongan Municipal. Kalau hendak mengshorkan, jangan panjang.

Wan Mustapha bin Haji Ali: . . . supaya Inspector dudok diam itu patut bertanggong jawab apabila berjalan itu lihat mana yang patut shorkan kapada Municipal. Enforcement Officer ini tanggong jawab-nya ia-lah menahan kereta yang lari laju, lori yang membawa barang² berat pun lari laju walau pun speed limit 30 batu sa-jam, ini sangat merbahaya. Saya mengshorkan supaya Enforcement Officer ini memakai uniform. Kalau Officer ini memakai necktie, apabila menahan motorist dengan tidak ada Identity Card, kalau motorist itu tidak berhenti, tidak salah mengikut undang². Jadi kalau ada uniform dan Identity Card lebeh baik.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Driving Testers. Saya dapati daripada 14 orang yang di-pileh menjadi Driving Testers hanya sa-orang sahaja Melayu. Boleh-kah Menteri yang berkenaan menerangkan mengapa-kah hanya sa-orang sahaja Melayu daripada 14 orang yang di-pileh itu? Ada-kah orang Melayu tidak pandai? Saya perchaya banyak orang Melayu dalam negeri ini yang boleh menjadi Driving Testers.

Berhubong dengan Motor Vehicle Licences and Plates telah di-untokkan sa-banyak $19,000 pada hal tahun lepas tidak ada peruntokan-nya walau pun satu sen. Kenapa-kah pada tahun ini di-untokkan $19,000?

Enche' Sardon bin Haji Jubir: Di-bawah Sub-head berapa?

Wan Mustapha bin Haji Ali: . . . di-bawah Sub-head 4. Dan bagitu juga berkenaan dengan Refund of Licences, Badges and Hackney Carriage Plate Fees telah di-untokkan sa-banyak $1 juta. Apa-kah tujuan perkara ini mengambil wang sa-demikian banyak? Saya harap Menteri yang berkenaan menerangkan berkenaan dengan refund itu.

Enche' Tan Phock Kin (Tanjong): Mr. Speaker, Sir, I rise to speak on the general policy of the Ministry of Transport for which a sum of over $7,000,000 is to be provided, and in particular I would like to refer to policy with regard to transport.

Sir, last year, Honourable Members of this House will recollect that when the Estimates for the Ministry of

Transport was brought up for discussion at this House, I pointed out the lack of policy of the Ministry of Transport with regard to the running of the Department, and the Minister at that time did give me an assurance that a White Paper was in course of preparation by his Ministry and that it would be submitted to this House for consideration. I regret to say here that one year has elapsed and still we have not seen the White Paper, and it is even more regrettable that the Minister, in the course of introducing these Estimates, has not made any mention whatsoever of the White Paper. I do not know whether he has forgotten about it, or perhaps nothing is being done to submit such a White Paper to this House. Anyway, I sincerely hope that since it is agreed that a statement of policy is necessary as far as this Department is concerned, a White Paper will be submitted to this House as soon as possible.

From the speeches made in this House, it is quite clear that a lot of confusion in the Ministry of Transport has arisen from the fact that the Ministry has no clear-cut policy. It has been pointed out that transport in this country is most essential, particularly as we are embarking on a very big project of rural development; and unless transport is co-ordinated very closely with rural development, there is bound to be a big problem with regard to transporting agricultural produce from the towns to the villages and *vice-versa*. It has also been pointed out that unless road transport is centralised, it is difficult for unprofitable routes to develop, because as long as the transport industry is in the hands of private people, the only objective is to make profits and as a result of that we will find that a lot of routes to the villages and various newly developed areas will not be provided with adequate transport. Sir, this is a very crucial matter, and so long as the present system is working, the problem of inadequate transport in this country will remain.

Sir, coming now to the question of licensing of motor transport, as has been pointed out road transport is enjoying a semi-monopolistic position in this country, and anybody who has the fortune of getting a licence to operate certain routes or to operate certain taxis is enjoying a privileged position, because of the restriction on the issue of licences. As a result of this, it has been feared—and I think Honourable Members of this House, both on the Opposition Bench and the Government Bench agree—that the subject of granting licences has been open to abuses; and so much so that in this country a name has been given to it. Some Honourable Members call it "Ali Baba" and others call it "*Melayu jual Melayu*". What is the cause of the problem? It arises from the fact that as far as the granting of licences is concerned, whatever you may say about it, it is an arbitrary decision of the Board; and as far as Boards are concerned, everybody in this House is quite aware that the composition of the Board is more often than not on a political basis . . .

Mr. Speaker: That is not relevant.

Enche' Sardon: Mr. Speaker, Sir, may I draw the attention . . .

Enche' Tan Phock Kin: May I know whether it is on a point of order?

Mr. Speaker: I have ruled it out of order. It is irrelevant in so far as the composition of the Board is concerned. Time and again I have drawn the attention of Honourable Members that we are not discussing the general principle of the policy or administration. We are now discussing the policy of the service for which the money is provided. That is according to Standing Order 66 (11). You must not touch on the general principle of policy or administration. You can suggest if you know how to do it and I can allow that.

Enche' Tan Phock Kin: I am merely trying to make a suggestion, because I have heard of complaints, not complaints raised by Honourable Members of the Opposition, but complaints raised both by Honourable Members of the Opposition as well as by Honourable Members of the Alliance Bench.

I am suggesting that as far as possible the Ministry must see to it, and the Minister as such must use his influence on the Board to see that arbitrary decisions . . . .

The Asst. Minister of Commerce and Industry (Enche' Cheah Thiam Swee): Mr. Speaker, Sir, I think the Honourable Member is still pursuing the same point.

Mr. Speaker: If he is making a suggestion, I can allow him provided it is not a long one.

Enche' Tan Phock Kin: I am merely suggesting to the Minister of Transport that so long as arbitrary decision exists, it is important that we should have some safeguard against abuses. We must evolve a system whereby to ensure that whoever is granted a licence, it is granted not because of any arbitrary decisions to favour him as he has rendered political service to an organisation, but because it is quite clear that the man deserves to have that licence. And I submit, Sir, that as far as licences are concerned, if they are going to be given to anybody and following the Government's policy of assisting Malays participation, the most concrete method, particularly in the issue of taxi licences, will not so much be issuing taxi licences to individuals. That may give rise to abuses; people may criticise that saying, "Well, now because he is a member of certain political party, he is given a licence." I would suggest that licences should be given to a co-operative. The co-operative will consist of members who will run the taxi services, and I am sure the Minister of Co-operative Development will see to it that he will be able to get hold of unemployed Malays who can operate this service. I hope that the Ministry too can see to it that funds will be made available by RIDA and other such organisations to assist this group of co-operatives to run taxies. So, whenever we are going to have new taxi services anywhere, let us not grant the licences to individuals but rather to co-operative organisations.

Similarly, I would suggest that as far as transport is concerned—though it is the considered opinion generally—that it should be best run by a Board, a Government Board, so that the profits can be utilised in various areas where transport is needed, so that profits will not be distributed to the people who contribute to the capital, but will be utilised for the improvement of the services as well as the development of new routes.

This, I submit, is in the public interest, and I hope that the Honourable the Minister of Transport, when he has time to consider this White Paper of his, will bear all these in mind and will incorporate them as recommendations. And I also hope that steps will be taken immediately on this question of licences and that, if the Minister is in agreement with my suggestions, they can be implemented almost immediately.

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, muka 270 item (11) Driving Testers dan item (12) Examiners. Saya suka-lah menarek perhatian kapada Menteri Yang Berhormat supaya dapat menyelideki tudohan² yang telah di-hebahkan sekarang ini bahawa sa-tengah² tempat ada berlaku perkara² yang tidak di-ingini di-jalankan oleh pegawai² ini. Sudah menjadi umum perkara yang sa-macham ini kapada driver² yang hendak mendapat licence, kata-nya: "Kalau awak senang hendak mendapat licence pergi-lah awak di-sana dan masokkan di-bawah jaring Driving Tester itu",—apa yang di-masokkan di-bawah jaring itu pun saya ta' tahu—"awak senang boleh mendapat licence."

Di-negeri Perak ada satu tempat yang mashhor berkenaan dengan mendapatkan licence dengan mudah ia-itu di-Tanjong Malim. Sa-hingga menjadi perkara yang popular ini di-Perak. Sa-kira-nya ada satu² accident atau kereta itu jatoh dalam parit maka selalu orang² di-sana mengatakan itu licence Tanjong Malim. Jadi, saya rasa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat menyiasat di-mana-kah datang-nya perkataan licence Tanjong Malim ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di-muka surat 270 item (1) Commissioner. Yang hendak saya khabarkan kapada Menteri Yang Berhormat ini ia-lah berkenaan dengan licence taxi. Sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ia-itu licence² taxi yang telah di-berikan kapada orang Melayu, kemudian di-pajaknya kapada orang yang bukan Melayu. Saya hendak berchakap di-sini ia-lah chara menarek. Chara menarek balek licence yang di-amalkan oleh Kementerian sekarang ini terlalu longgar. Mithal-nya di-panggil orang yang memajakkan licence itu dan di-beri amaran; kalau di-pajak licence-nya, licence-nya akan di-tarek balek. Saya rasa, satu langkah yang tegas mesti-lah di-buat kalau sudah sah dia ini memajakkan licence kapada orang lain ia-itu daripada pehak Polis lalu-lalang maka di-tarek balek sahaja-lah licence-nya itu dan di-bagikan licence-nya kapada orang lain yang mampu hendak menjalankan taxi.

Saya suka hendak menarek perhatian Menteri Yang Berhormat ini ia-itu licence yang di-keluarkan itu semua-nya patut-lah di-bagikan kapada sharikat² kerjasama sahaja ia-itu saperti sharikat tanggongan yang berhad yang di-kelolakan oleh orang Melayu. Oleh sebab licence² yang di-berikan kapada sharikat tanggongan yang berhad sa-rupa itu, boleh-lah di-beri pertolongan kapada sa-bahagian besar orang Melayu untok memegang share²—yang suka hendak mengambil bahagian dalam menjalankan taxi² ini. Saya harap tidak pula saya ini di-fahamkan oleh Menteri yang berkenaan saya hendak membela kepentingan orang² ini.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Enforcement Officer saperti yang di-sebutkan pada Item 8. Ada satu masaalah yang saya hendak chakapkan ia-itu penunggang motosikal kechil di-negeri² Kelantan dan Trengganu yang membawa ikan yang di-letakkan dalam peti kechil di-belakang motosikal-nya itu kadang² di-tahan oleh polis dan di-da'awa di-Mahkamah; sedangkan perkara ini di-Kuala Lumpur ini nampak-nya tidak menjadi satu kesalahan. Saya harap perkara ini dapat di-terangkan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri khas-nya supaya dapat di-beri kemudahan kapada penunggang motosikal kechil yang hendak berniaga dengan meletakkan peti dua kaki lebar di-belakang motosikal mereka.

Enche' Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab dengan rengkas sahaja. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong—tetapi ia tidak ada di-sini—telah menchadangkan supaya Kerajaan mengadakan Board untok menjalankan ikhtiar berkenaan dengan pengangkutan ini. Kita tidak boleh menerima, kerana faham ini bertentangan dengan Parti Perikatan. Barangkali Socialist Front mengadakan chara yang saperti ini di-City Council Pulau Pinang, saya tidak tahu. Chadangan-nya yang lain² itu saya ambil ingatan dan saya akan ikhtiarkan. Berkenaan dengan tudohan yang mengatakan ada salah faham (confusion) dan "pileh kaseh", saya suka menapikan perkara ini, kerana mengikut Undang² Lembaga Lesen yang mengandongi 5 orang ahli yang mana 4 daripada-nya itu di-pileh oleh saya sendiri telah berunding dengan Kerajaan Negeri, dan orang² ini tidak boleh berbau politik dan tidak boleh menyebelah ka-mana² pehak, kerana sifat-nya sa-bagai Hakim. Saya harap pehak yang mendatangkan tudohan "pileh kaseh" itu faham chadangan Kerajaan yang ada pada hari ini.

Saya menguchapkan terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat, terutama dari pehak PAS yang telah memberi pandangan²-nya. Ahli Yang Berhormat dari Bachok meminta supaya taxi itu di-tambah. Memang-nya di-sabuah kampong dan tempat yang pendudok-nya 2,000 orang sa-kurang²-nya yang di-fikirkan "economical" akan di-adakan sa-buah. Tetapi dalam jajahan itu ada mempunyai Pengerusi dan Jawatan-Kuasa Penasihat untok menasihatkan supaya di-tambah taxi di-tempat itu. Saya harap Ahli Yang Berhormat berhubong dengan Pegawai Jajahan dan Penasihat di-situ, saya sedia akan menimbangkan perkara itu. Berkenaan dengan soal taxi churi ayam atau taxi sapu, ini bukan fasal taxi tidak ada—taxi banyak—tetapi bayaran private taxi itu sadikit, bayaran taxi

itu banyak. Saya tidak dapat memberi pengakuan untok menghapuskan perkara ini, kerana perkara ini di-bawah kuasa polis, saya akan berunding dengan Kementerian yang berkenaan.

Berkenaan dengan lori dan kereta lari laju itu, saya suka terangkan: kalau kita taroh speed limit 30 batu sa-jam, mereka lari 40., kalau kita taroh 40 mereka lari 50. Hanya speed trap sahaja yang boleh mengurangkan perkara ini, dan kita sedang membeli alat untok mengetahui laju lori atau kereta itu.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Parit, tidak usah-lah susah, saya baharu datang dari Parit dan menerangkan kapada orang di-sana. Yang sa-benar-nya, tidak ada salah faham orang² di-sana. Berkenaan dengan lori Pulau Pinang boleh pergi ka-Lumut; sa-hingga hari ini lori itu lari kuat pergi ka-Lumut. Saya sudah pergi melawat pelabohan Lumut, dan memang ada jawatan-kuasa menyelidek tentang dasar Kerajaan terhadap pelabohan Lumut itu, tetapi belum putus lagi.

Berhubong dengan Driving Testers itu, saya suka memberi tahu kapada Ahli² Yang Berhormat, yang sa-benar-nya, pada tahun yang lalu saya telah di-desak, jadi dapat tambahan 14 orang. Kita sedang melateh mereka di-Ibu Pejabat, kemudian di-hantar ka-tempat yang mustahak yang berkehendakkan lesen-nya di-pereksa dengan segera, kita hantar ramai², kemudian di-tempat lain. Insha Allah, tidak payah menunggu sa-hingga 6 bulan.

Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir bertanya kenapa sa-orang sahaja orang Melayu. Dalam soal ini saya tidak bertanggong jawab. Kita menawarkan sa-siapa yang ada kelayakan boleh-lah memohon, lepas itu kita serahkan kapada Public Services Commission, mereka-lah yang memileh, barangkali pemohon daripada orang Melayu hanya 3-4 orang sahaja—itu pun nasib baik di-pileh sa-orang—ini bukan soal "pileh kaseh".

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara ada berchakap tentang "lesen Tanjong Malim". Saya harap kapada Ahli² Yang Berhormat kalau ada mendengar rahsia itu janganlah sa-tahun sa-kali baharu di-buka di-sini—berhubong dengan saya terus (*Ketawa*). Saya ada mendapat tahu dahulu, tetapi saya sudah tidak dengar lagi. Saya suka memberi pengakuan lesen Tanjong Malim itu tidak ada lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Raub meminta supaya Road Safety Council itu di-tambah. Saya menguchapkan terima kaseh, pada tahun hadapan kita akan minta tambah peruntokan Road Safety Council ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan minta sa-orang Driving Tester untok Butterworth. Kalau kita benarkan, di-tempat lain pun hendak juga. Tetapi saya akan segerakan berkenaan dengan derebar yang hendak mendapat lesen.

Saya lupa hendak menjawab berkenaan dengan polisi yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Yang sa-benar-nya, perkara ini tidak boleh bawa polisi, barangkali ia sudah lupa. Saya telah menerangkan walau pun telah di-ranchangkan tentang kertas puteh polisi itu, tetapi melihat kapada keadaan general policy berkenaan dengan Railway dan lain², kita tanggohkan white paper atau policy of transport itu, Surohanjaya Kereta Api akan di-adakan yang tidak boleh membenarkan bukan hanya mengenai motokar dan lori, tetapi kereta api, kapal terbang dan lain² ia-itu "the general policy of transportation for the whole Federation of Malaya".

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak memanjangkan perchakapan saya, chuma perkara lori lari laju itu kita sedang menyiasat sama ada kita dapat mengadakan "vocational licence" saperti yang di-pakai oleh derebar bas yang di-letakkan pada dada-nya itu. Perkara itu belum putus lagi. Insha-Allah, perkara itu saya akan timbangkan. Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi pandangan saya uchapkan terima kaseh dan saya akan siasat perkara itu.

Question put, and agreed to.

The sum of $7,215,291 for Heads 55 to 60 inclusive ordered to stand part of the Schedule.

Heads 61-65—

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr. Speaker, Sir, with your permission, Sir, I would like to introduce all the Heads 61 to 65 inclusive, comprising a sum of $69,795,946 at the same time.

For the information of Honourable Members, before I touch on these Heads in detail I should like to say a few words on the progress made during the past year in this Ministry and the schemes it has to encounter during the year 1961. So far as the Public Works are concerned the launching and the commencement of a Rural Road Development Programme of a magnitude unparalleled in the history of this country was achieved during the year. Work is still in progress on the construction of 200-300 miles of such roads. The major projects of this nature are Rompin/Endau and Pekan/Batu Balik Roads in Pahang, Tanjong Karang/Sekinchang/Utan Melintang Roads in Selangor and Perak, and Gunong Kerian to Simpang Ampat Road in Kedah/Perlis. The completion of these projects is expected to be in 1962. A heavy bridge replacement and construction programme is being carried out, and 1961 will see the completion of a number of these bridges like those at Temerloh, Tanah Puteh and Kerteh, which will replace existing ferries. The principal policy to be pursued in 1961 will be an increase in tempo in the construction of the rural roads programme. At the same time more of the present highways will be made to the full standard, together with replacement of their bridges by permanent ones, and further ferry crossings to be bridged.

In the fields of buildings, the effort of the Public Works Department is still largely directed at implementing the policies of other Ministries and during the past year, with the emphasis on rural development, these have involved the construction of a large number of small projects, particularly rural health centres, midwives' quarters and clinics, school buildings and post offices. It may interest Honourable Members that during the year work started on the new Kuala Lumpur Maternity Hospital. Simultaneously, work on new buildings to house the Ministries of Rural Development and of Agriculture, and on the 10-storey combined Federal and State office building in Penang also commenced during the year. Preliminary work on Masjid Negara, and the Houses of Parliament is also proceeding. A large programme of replacement of sub-standard labourers quarters has also been implemented and will continue to be given a high priority in 1961.

A number of water supplies have been successfully commissioned in 1960. Progress on the design of new supplies has however been hampered by the lack of experienced water engineers and it will be necessary to appoint consulting engineers for many of the schemes envisaged. A very large programme for rural and semi-rural schemes has been planned for 1961, part of which will be financed by States themselves and the balance on loans from the Federal Government. Wherever possible, existing supplies are being extended to the rural areas, but in some cases separate new supplies will have to be provided.

The demands for quantity surveying services continue to increase but due to the lack of staff it has not been possible to meet all requirements. However, the position will progressively improve when more of our students who are now under training in the United Kingdom have completed their studies and returned to join the department.

In the Federal Workshops the provision of additional covered floor space and new mezzanine floor has enabled re-organisation of the Garage and Engine Shop section to be completed. The introduction of the unit replacement system on the major overhaul of vehicles has led to increased efficiency and production. A plant operators training school has been organised to provide sufficient personnel for the rural development schemes. The first batch of trainees are now undergoing instruction on a 3-month training course.

Under Personal Emoluments the total provision is $5,211,285 an increase of $1,016,484 or approximately

telephone and telegraph services to overseas territories, particularly to the neighbouring countries of South East Asia and countries of the Commonwealth in general, will also be included.

Referring to the Annual Recurrent Estimates for 1961 Honourable Members will see that an increase of $1.5 million over the figure for 1960 is shown. The reasons for this increase are that expenditure on the maintenance of the Police Radio Schemes which in previous years were shown in the Estimates for the Royal Malayan Police Force amounting to $800,000, is now included in the Estimates for Telecommunications Department. Furthermore, the increase in the size of telecommunications network has resulted in an increase of staff establishment both in the higher and lower grade of the service—not quite Parkinson's law, this!

The provision of microwave relay stations and additional and extended telephone exchanges will result in considerable increase in the expenditure on items such as power supplies for the exchanges, lighting and building costs. Incidentally, the international standing of the Federation of Malaya in telecommunications matters has justified an increase in the Malayan contribution to the International Telecommunications Union to ensure that this contribution is adequate when compared with other member countries.

The revenue of the Department continues to grow at a satisfactory rate and it is expected to reach a figure of $33.6 million in 1961 which will be about $1.5 million more than in 1960. However this figure is conservative, and may, in fact, be exceeded.

There are now 29 expatriate officers and 37 Malayan Officers in Division I appointments in the Department. This shows an increase of 12 Malayan officers and a decrease of 6 Expatriate officers since the same time last year. The Division I establishment of the department is 81 posts. 41 scholars are now studying for eventual appointment to Division I in the Department. My Ministry is well aware of the need to ensure that more Malayans are trained in telecommunications engineering and is taking steps to see that further scholarships are awarded to Malayan citizens in this important branch of engineering.

Turning to all Heads of expenditure in the Estimates, I am requesting a total provision of $69,795,946 as against $62,792,708 in 1960. The overall increase greatly reflects the growth of telecommunications network and annual recurrent expenditure such as maintenance of public roads, bridges, heavy plant and vehicles. The remainder is due to the necessity of increased staff to enable the Government's important Development schemes in all Ministries to be implemented. Sir, I beg to move.

Sitting suspended at 4.15 p.m.

Sitting resumed at 4.45 p.m.

(Mr. Deputy Speaker *in the Chair*)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Deputy Speaker *in the Chair*)

Debate resumed on Question:

That the sum of $69,795,946 for Heads 61 to 65 inclusive stand part of the Schedule.

Question again proposed.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar uchapan Yang Berhormat Menteri dan kita di-minta menimbangkan peruntokan ini. Ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan di-sini. Satu daripada perkara-nya ia-lah berkenaan Saving Bank. Bagus benar-lah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa menurut kata Menteri Yang Berhormat itu tiap² sa-orang daripada 10 orang ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu ini ada mempunyaï buku Post Office Saving Bank. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dukachita-lah saya dalam Anggaran Perbelanjaan tahun ini di-kaitkan pula perbelanjaan bagi Saving Bank pada tahun yang lalu $20,000 telah di-untokkan kerana ini. Boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, wang sa-banyak $20,000 ini di-belanjakan menurut kata-nya menyebabkan bertambah-nya

orang² menyimpan wang di-dalam Post Office Saving Bank. Saya tidak dapat mengagakkan berapa banyak percentage-nya. Ada-kah sa-orang daripada 10 orang ra'ayat negeri ini telah menyimpan wang dalam Post Office Saving Bank yang datang daripada kampong². Tetapi saya perchaya kemundoran untok menyimpan wang sama-lah juga timbul-nya kapada nasib sa-saorang itu dengan ikatan ikonomi yang terpaksa dia berbuat demikian.

Saya mengagakkan chara hidup di-kampong² belum-lah lagi membolehkan ra'ayat itu tahu akan kebaikan menyimpan wang di-Post Office Saving Bank. Jadi, pada pendapat saya, harus-lah Menteri Yang Berhormat ini memikirkan sa-mula hal ini mengadakan peruntokan bagi Saving Bank ini di-kampong². Di-kampong² ini saperti pada suatu masa dahulu telah di-terangkan oleh Menteri Kewangan yang boleh jadi pada masa itu menjalankan tugas-nya menguntokkan perbelanjaan bagi Menteri yang bersangkutan ini supaya dia dapat membuat kempen sampai ka-kampong². Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya tahu di-kampong² kebanyakan orang menyimpan wang di-dalam Saving Bank ini ada-lah orang yang terasakan diri-nya banyak duit. Kalau zaman ini orang kampong dia boleh menyimpan $5.00 sa-bulan atau $10.00 sa-bulan dan memikirkan dia patut menyimpan-nya dalam Saving Bank ini. Jadi, orang² yang sa-macham ini patut Kementerian ini menggalakkan mereka untok menyimpan wang-nya di-dalam Saving Bank.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini besar sangkut-paut-nya dengan "national income" negeri ini. Sebab pada masa ini angka penyimpan sudah 15 juta, dan saya perchaya sa-kira-nya kita galakkan lagi, maka angka itu akan bertambah, dan apabila Savings Bank banyak, banyak investment, dan apabila banyak investment, banyak employment.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang kedua yang hendak saya bangkitkan di-sini ia-lah berkenaan dengan Technical Assistant saperti yang di-sebutkan dalam Item 21 dan 35. Kita berhadapan dengan kemajuan yang pesat dalam lengkongan luar bandar, dan dalam lengkongan pembangunan negeri ini, saya dukachita melihatkan bahawa Technical Assistant tidak di-tambah walau pun sa-orang, dan Technical Assistant pada Item 35 di-tambah hanya sa-orang. Dalam menchari kemajuan, Technical Assistant amat penting. Saya telah berchakap dengan jurutera negeri Kelantan, dan satu daripada rungutan-nya ia-lah Technical Assistant tidak chukup bagi menjalankan kerja yang m u s t a h a k bagi pembangunan.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, bilangan Technical Assistant patut-lah di-sesuaikan benar dengan bilangan yang di-kehendaki bagi pembangunan negara yang di-jalankan pada masa ini. Tidak chukup kita menchurahkan wang sa-mata², sedangkan orang yang hendak membuat-nya tidak ada, dan oleh kerana kita hendakkan kapada elok-nya kerja yang hendak di-jalankan oleh Kementerian ini Technical Assistant patut-lah di-tambah bilangan-nya sama ada yang bertugas di-Kuala Lumpur ini atau pun yang bertugas dalam kawasan luar bandar yang sa-umpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara kechil yang hendak saya bangkitkan di-sini ia-itu berkenaan dengan Maintenance of Heavy Plant and Vehicles yang telah d i - u n t o k k a n sa-banyak $5,726,400 sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam Sub-head 10. Telah ada satu kejadian di-jalan Trengganu ia-itu sa-belah Kemaman, saya tidak tahu nama tempat itu, tetapi pada masa ini ada pechah batu. Di-tempat itu banyak heavy plant, satu daripada-nya ia-lah kereta yang besar yang mengangkut tanah yang mempunyai 8 roda dan tiap² satu roda itu 1½ kaki besar-nya, saya tidak tahu apa nama-nya sebab saya tidak bertanya masa saya jumpa itu, dan perkakas itu sudah jatoh ka-belakang, entah sebab plant atau entah sebab apa, tetapi hampir dua bulan saya lihat plant itu maseh terguling; entah oleh kerana badan-nya besar sangat atau Menteri tidak kuasa atau entah kerana apa² saya tidak tahu. Saya minta kapada Menteri tolong-lah siasat benda yang saperti itu. Pada masa ini sudah ada roda, saya fikir kalau ada orang hendak

menchuri-nya pun benda ini berat, tetapi membiarkan benda yang saperti itu oleh pegawai yang bertugas patut-lah di-perhatikan oleh Menteri supaya maintenance kita dan plant yang saya perchaya harga-nya tidak kurang dari-pada $50,000 itu dapat di-jalankan. Ini-lah sahaja permintaan saya kapada Menteri Yang Berhormat.

Enche' V. David (Bungsar): Mr. Speaker, Sir, I had no intention of speaking on this Estimate, but I would like to have certain clarification from the Honourable the Minister of Works, Posts and Telecommunications. I have been given to understand that the Telecommunications Department is going to be turned into a Board. If so, I would like to know from the Minister concerned when it would be turned into a Board, and if the Department becomes a Board, what would happen to the employees in the Telecommunications Department. Will they be considered as Government servants, or what safeguards would there be if the Department is turned into a Board?

Enche' Tan Cheng Bee: Mr. Speaker, Sir, I would like to refer to page 285, sub-head 13, Maintenance of Public Roads and Bridges, and in this connection would once again raise the question of the pontoon bridge at Permatang Pauh in the district of Butterworth. Anybody who travels along the main trunk road to Penang would experience the delay caused by the bottleneck at this pontoon bridge. Traffic is getting heavier and heavier day-by-day, and I am sure that most of the Ministers, who have had occasion to travel to Penang by road, must have had the trying experience of having to wait patiently to cross this bridge, and anyone can imagine how a person feels when he is in a hurry to get to the ferry to cross to Penang—he will be in a state of frenzy and might be cursing the Department for keeping this out-moded bridge at this point. Sir, I would suggest that in keeping with the dignity and progress of an independent country like ours, this out-moded bridge be replaced by a permanent one as soon as possible. This bridge leads to the most busy port in the Federation and to the beauty spot of the Federation of Malaya—that is the Island of Penang.

Sir, the next thing I would like to refer to is the constant digging up of roads and highways in our towns, especially in the principal towns of the Federation like Penang and Kuala Lumpur. In most towns of the Federation, you will find that roads are always being dug up and there are signs reading "Repair Works Ahead" and if you care to ask, you will be told that the P.W.D. is doing some repair; then on another occasion, immediately after the P.W.D. has done its work, the same road or portion of road is again dug up, and if you enquire again the answer will probably be that the Telecommunications Department is laying telephone cables; and immediately after this has been done and the road is closed up, you will find that the road is once again being dug up, and this time it is for the purpose of laying high tension cables by the C.E.B. Sir, I suggest that there should be some sort of co-ordination among these Departments, so that you will not only save the beauty of the road, but will also save a lot of maintenance work and a lot of trouble and nuisance to the traffic.

Dr. Lim Swee Aun (Larut Selatan): Mr. Speaker, Sir, I refer to page 274, Head 62, Postal Services. Sir, I wish to congratulate the Alliance Government for the introduction of the Mobile Post Office. This may be a very small service, but it has done a tremendous amount of good work to the rural people and, with the implementation of rural development, there is a wind of change blowing right through all these kampongs particularly with the building of new roads, the repairing of existing roads and bridges; and this new wind of change has brought untold prosperity to most of these kampong people who at one time could never sell their fruits, which used to ripen and fall on to the ground. But, with the improvement of these roads and transport, these kampong people have found a wave of prosperity and been urged to

save and, because of that, this mobile post office vans have become very, very useful. I have been asked by many of these kampong folks to urge the Ministry to expand these services. If it is not able to expand the services, then at least could these mobile post offices call at every small village on the main road and not just stop at the centres, the reason being that when the produce is brought from the kampong to the main road to be sold, money is earned and instead of having to walk several miles or to catch a bus to a centre, if the post office van calls at that small station, then they could deposit their money, and it would mean a big help to all these people. I make this particular appeal on behalf of my constituency where the van moves from Taiping to Changkat Jering and serves the whole of the mukim of Bukit Gantang, but the other villages like Ayer Kuning, Jelutong and Bukit Gantang do not have these services and they would appeal to the Minister that these vans do stop at these small places.

I am surprised to learn from our Honourable Member for Bachok that the rural people in Kelantan are not thrift-conscious. Perhaps, I may suggest to him that if those States adopt rural development as we do in the Alliance-controlled States, they might save more and demand for more postal services (*Laughter*).

Mr. Speaker, Sir, my next point is on page 285, Head 64, Subhead 13, Maintenance of Public Roads and Bridges. As Honourable Members would have known, Port Weld in the latter part of the last century and the earlier part of this century, was perhaps, the most important and most thriving port in the whole Federation, and, as a result of that, the first railway line in this country was built—the Port Weld-Taiping Railway Line. But with the progress of time, with the invention of tin dredges, the river became silted up and the ocean-going steamers could not come in. The port declined, and now today the railway is used only once a week by a goods train. Though Port Weld has declined in its importance, the area around has not. In fact, it has become more important in the sense that all around Port Weld there are "bakau" groves—mangrove forests—and that is the centre of the firewood and charcoal industry—it is perhaps the main centre in the whole Federation. It is a several-million-dollar-industry, supplying all the firewood and charcoal to the whole of the Federation of Malaya and also exporting the excess to Hong Kong. The only means of access from Port Weld and the area around is a bit of road from Port Weld to Simpang which certainly, strange it may seem, is a Federal road. The reason why I brought this up is that, many years ago, a *Gazette* notification was published that no lorry exceeding five tons in weight can use that road. Perhaps because the portion of the road from Matang Road to Port Weld is built on soft ground, and to preserve the road surface, a limit was placed on all lorries using that road. But today with this important industry with its exportation of firewood and charcoal and also with the licensing of new lorries which are usually more than five tons, it is very hard to find lorries that will carry less than five tons. Besides, it would be very uneconomical to divide a seven-ton load into two trips, and, because of that, this *Gazette* notification has become a very severe bar to the transportation of the export of charcoal and firewood—not forgetting the rich fishing industry in that area, which supplies Kuala Lumpur and Singapore too. Because of these limitations and the conscientious authority enforcing this law, a number of these lorries have been arrested for being over-weight, and this action is quite correct. So representations were made to the District Executive Rural Development Committee, in view of the fact that encouragement of rural industries is part of rural development, but we were told that it was beyond their ken; and when this matter was brought up with the Mentri Besar of Perak, he replied, "Oh this is a Federal road, we cannot do anything about it." So I have been asked to appeal to the Minister to see what

can be done about this restriction—whether or not this restriction still should be enforced, and, if it should be enforced, whether it is applied to the whole length of that road or only to a certain portion of that road, and, if it should be enforced, whether or not it is possible to improve the road to make it capable of taking more than a five-ton load.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan: Tuan Yang di-Pertua, di-muka 285 sub-head 6—Maintenance of Approach Roads to V.H.F. and Microwave Station. Dalam kawasan saya ada V.H.F. Station di-Fraser Hill yang jalan-nya ka-tempat itu tidak-lah berapa baik dan kechil pula. Jadi, saya minta-lah kapada Menteri Kerja Raya beri-lah wang yang lebeh sadikit supaya dapat di-baiki lagi jalan itu dan oleh sebab orang² di-Persekutuan Tanah Melayu sekarang ini telah suka makan angin ka-tempat itu. Jadi-nya selalu mereka pergi naik ka-Station ini kerana hendak melihat tempat² di-sekeliling Fraser Hill itu. Jadi, saya berharap sangat bagi Menteri ini menghantar pekerja² P.W.D. untok membaiki jalan itu.

Sub-head 13—Maintenance of Public Roads and Bridges. Di-bandar Raub ka-jalan Kuala Lipis lebeh kurang ¾ batu jauh-nya. Pada masa ini telah ada di-tempat itu Motor Service Station dan akan di-dirikan sa-buah b a n g u n a n kedai. Mengikut pengalaman saya sa-masa bekerja dalam P.W.D. di-kiri kanan jalan ini ada wire electrik dan telegraph tidak di-tanam ka-dalam tanah maka sebab itu-lah ta' dapat di-besarkan jalan ini. Dan di-sabelah kiri-nya pula ada longkang yang besar di-mana tempat ini selalu berlaku kemalangan motor-car². Saya ingat dalam sa-tahun sa-kurang²-nya satu motor-car jatoh ka-dalam longkang tersebut. Jadi, perkara ini saya harap Yang Berhormat Menteri ini dapat membuat peruntokan bagi Pahang berkenaan Maintenance of Public Roads and Bridges ini.

Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap di-muka 285 sub-head 13—Maintenance of Public Roads and Bridges. Di-bandar Pontian Kechil ada jambatan yang di-buat daripada besi agak-nya. Pusaka masa peperangan dahulu yang menyusahkan motor-car² lalu di-situ, dan di-bawah jambatan itu pula, sungai-nya penoh dengan tunggul² tiang batu jambatan lama yang sudah ruboh masa perang. Apabila perahu² nelayan lalu di-situ selalu-lah pechah terlanggar tunggul² itu kerana tidak dapat di-chabut tunggul² itu oleh pehak P.W.D. melainkan dengan di-bena jambatan baharu di-situ. Dahulu sudah saya bertanya kapada Menteri yang menjaga hal-ehwal ini dan jawab-nya tunggu dalam ranchangan 5 tahun yang kedua. Wang yang sa-banyak $13,552,000 ini tidak ada di-untokkan jambatan di-Pontian Kechil itu. Harap-lah Menteri Yang Berhormat memberi jawab yang tegas tahun bila-kah jambatan itu akan di-buat. Saya di-kehendaki oleh orang ramai di-kawasan saya memberi jawab yang tegas. Sekian-lah. Terima kaseh.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini menguchapkan terima kaseh kapada Menteri ini yang telah menguntokkan perbelanjaan dalam Kementerian-nya pada tahun 1961. Jadi, saya perchaya peruntokan yang bagini banyak tentu-lah dapat kemajuan yang lebeh lagi di-seluroh Tanah Melayu ini. Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak berchakap sadikit sahaja ia-itu di-Head 278 item (62) berkenaan dengan Postmen. Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya menguchapkan terima kaseh sa-kali lagi kapada Menteri yang berkenaan ini kerana dalam tahun 1960 ia-itu jumlah Postmen ia-lah 1097 orang sahaja dan di-dalam tahun 1961 ini di-tambah lagi sa-banyak 114 jadi 1,207 orang. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak berchakap di-sini ia-itu pendudok² yang menerima surat² itu bukan-lah terdiri dari orang lelaki sahaja. Ada juga boleh di-katakan banyak kaum² wanita-nya (*Ketawa*). Jadi, saya menchadangkan, di-antara 114 orang yang akan di-tambah itu patut-lah sa-kurang²-nya 70 orang di-ambil daripada kaum wanita (*Ketawa*). Pada fikiran saya kurang manis sa-kira-nya Postmen daripada kaum lelaki menyerahkan surat kapada kaum wanita tambahan

pula sa-kira-nya mereka itu maseh dara lagi—belum kahwin lagi. Jadi, bilangan ini kalau . . . .

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Standing Order 36.

Mr. Speaker: 36 apa?

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Yang di-Pertua, Standing Order 36 (1). Itu ada-lah sa-bagai merendah²-kan wanita.

Mr. Speaker: Tidak, itu sa-bagai chadangan sahaja daripada dia.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus: Perkara ini lebeh² lagi ada kala-nya wanita² itu tidak tahu menulis. Jadi, kalau-lah datang register maka terpaksa-lah Postman lelaki itu memegang jari wanita itu. Saya tahu ia-itu wanita dari Dungun dan juga wanita dari sabelah barat serupa juga lebeh² lagi, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan-nya yang tidak tahu menulis ia-lah wanita² daripada Pantai Timur. Jadi, itu-lah sebab-nya saya berharap supaya Menteri yang berkenaan ini menguntokkan Postwomen dalam 70 orang.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap atas dua tiga perkara sahaja untok ma'lumat Menteri ini. Yang pertama-nya, saya menguchapkan terima kaseh kapada Menteri ini yang telah membuat jambatan yang lengkap di-Temerloh yang mana adalah sangat di-banggakan oleh orang² di-Pahang. (*Tepok*). Dalam pada itu juga oleh kerana kita sekarang telah ada jambatan maka perkhidmatan Ferry di-sana akan habis masa-nya. Jadi, saya harap ia-itu orang² yang bekerja dalam ferry itu sa-ramai 30 orang patut-lah mendapat timbangan. Saya harap mereka itu di-beri peluang bekerja dan kita mesti-lah menimbangkan di-mana-kah akan kita tempatkan mereka itu.

Yang kedua-nya, saya menguchapkan juga terima kaseh kapada Menteri ini ia-itu di-Petaling Jaya di-mana saya dapat tahu ada tiga atau empat contractor² Melayu yang telah mendapat contract yang berharga di-antara 40 atau 50 ribu ringgit untok membena bangunan². Oleh sebab kita semua ma'alum bahawa orang Melayu belum chukup pandai membuat rumah yang besar² ini maka di-harap mendapat pimpinan dari pegawai² yang berkenaan. Perkara sa-macham ini patut juga di-masa yang akan datang di-adakan bukan sahaja di-Petaling Jaya bahkan di-seluroh Persekutuan Tanah Melayu.

Yang ketiga, berkenaan dengan Postal Agency. Saya selalu menulis surat kapada Pegawai Pejabat ini supaya di-adakan Postal Agency di-kampong² Pesagi dan Paya Pasir yang mana pendudok-nya lebeh kurang 3,000 orang ramai-nya, saya selalu mendapat jawab yang mana saya sendiri tidak puas hati kata-nya, tempat itu tidak mustahak, kerana dalam sa-minggu hanya 4-5 surat sahaja, pada hal saya telah menerangkan kapada-nya keadaan di-tempat itu. Saya minta untok kawasan saya, tetapi di-kawasan lain saya tidak tahu. Saya harap Menteri yang berkenaan memerentahkan Pegawai itu berunding dengan saya supaya memikirkan dengan halus-nya untok mengadakan Postal Agency bagi faedah orang kampong. Kalau saya menulis kapada-nya, jawab-nya tidak memuaskan hati sa-bagaimana yang saya katakan tadi, tentu-lah mustahil dalam sa-minggu hanya 3-4 surat yang datang untok kampong itu.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman (Krian Laut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom bagi tahun 1961, yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya di-Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dan bagi pehak pendudok kawasan Tanjong Piandang menguchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang telah mengadakan satu Pejabat Pos di-situ yang mana beliau sendiri telah membuka upachara membuka Pejabat Pos itu. Kawasan itu pendudok-nya yang lebeh kurang 4,000 orang itu telah mendapat kemudahan untok menghantar surat, dan tidak payah lagi pergi ka-Parit Buntar yang jauh-nya lebeh kurang 9 batu itu, dan juga dengan ada-nya Pejabat Pos ini ada di-antara pendudok di-situ telah menyimpan wang ia-itu Savings Bank pada masa ini, jika tidak memuaskan ada-lah berjalan sadikit demi sadikit.

Sa-lain daripada itu, saya juga menguchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang telah melebarkan jalan raya lebeh kurang 6 batu daripada Simpang Tiga Parit Buntar ka-Tanjong Piandang, dan ada lagi jalan² raya yang akan dilebarkan; semua perkara itu ada dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Saya harap apakala Ranchangan Luar Bandar itu di-sampaikan kapadanya, beliau akan mengambil berat sadikit fasal melebarkan jalan raya, yang pada fikiran saya sempit lebeh kurang 12 kaki yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian Dewan ini berkenaan dengan Maintenance of Public Roads and Bridges yang di-sebutkan pada Sub-head 13. Kalau ingatan saya tidak salah, Tuan Yang di-Pertua, dalam meshuarat Belanjawan tahun yang lalu saya ada berchakap berkenaan dengan titian di-antara Bandar Baharu dengan Parit Buntar. Sa-belum saya memanjangkan perchakapan saya, saya suka memberi penerangan: titi ini ada-lah dalam ranchangan ahli² jawatan-kuasa luar bandar, Bandar Baharu, Kedah yang berperenggan dengan Parit Buntar, Perak ada mengemukakan supaya mengadakan titi antara Parit Buntar dengan Bandar Baharu. Ahli² jawatan-kuasa Luar Bandar Jajahan Krian telah menyokong dengan kuat ranchangan ini. Pada fikiran saya jikalau sa-kira-nya titi ini di-buat oleh Kerajaan bukan sahaja memudahkan pendudok² di-kampong Bandar Baharu sahaja, tetapi jua memudahkan pendudok² ia-itu di-sabelah Bandar Baharu, untok berniaga di-antara dua tempat itu atau ka-Pulau Pinang, tetapi juga lebeh kurang 3,000 orang boleh menggunakan titi itu. Dan juga Bandar Baharu pada masa ini apabila malam mulaï daripada pukul 8 tidak ada orang yang akan datang berjalan ka-situ, saya perchaya kalau titi itu di-buat, Bandar Baharu akan menjadi satu pekan yang baik di-waktu malam hari, istimewa pada siang hari. Di-Bandar Baharu itu ada Pegawai Daerah, Balai Polis, Pejabat Tanah dan semua-nya ada.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Kerja Raya memikirkan apa yang saya chakapkan ini. Jika titi itu tidak dapat di-buat dengan elok, memadaï-lah di-buat "titi timboi" (kata orang sabelah utara). Ini-lah sahaja saya harap beliau mengambil berat di-atas perkara ini.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Maintenance of Public Roads dan Bridges saperti yang di-sebutkan pada Sub-head 13. Peruntokan bagi tahun ini lebeh daripada tahun yang lalu. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sa-kali lagi merayu kapada Menteri yang berkenaan supaya memasokkan peruntokan ini untok membuat sa-buah jambatan bagi menggantikan ferry di-Dungun itu. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, sabagaimana yang kita ketahuï, ferry itu telah beberapa kali mendatangkan bahaya yang mana membawa maut kapada pendudok yang lalu-lalang ditempat itu. Bagitu juga jalan sa-panjang daripada Dungun ka-Kuala Trengganu. Jalan itu dahulu sudah dibaiki, tetapi apabila kita berjalan dengan motokar saperti ada gergaji dibawah motokar kita itu, kita dudok bergegar². Tuan Yang di-Pertua, sasudah jalan itu di-baiki di-pechahkan sa-mula nampak-nya, dan ada lagi jalan yang berombak², jalan itu tinggi-rendah. Perkara ini juga harus mendapat perhatian.

Saya menguchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, kerana tempoh hari beliau ada memberi jawapan kapada saya ia-itu bersempati di-atas permintaan saya itu, ia-itu soal jambatan Dungun itu ia akan memberi jawab pada bulan yang akan datang ini. Mudah²an dengan sempati Yang Berhormat Menteri itu tidak lama lagi dapat-lah di-masokkan satu peruntokan untok membuat jambatan di-Dungun yang kami tunggu² itu.

Tuan Yang di-Pertua, kembali saya kapada soal Postmen ia-itu di-muka 275 item (62) (*Ketawa*). Sunggoh bagus ia-itu chadangan daripada Yang berhormat yang berbaju merah itu (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Wakil dari mana?

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Saya tidak nampak dari sini. Wakil dari Kulim Utara ia-itu beliau itu mengatakan tambahan 70 orang banyak-nya di-untokkan wanita menjadi Postwomen. Saya hairan berapa kali shor saya yang sudah2 itu mengemukakan supaya di-berikan pendidekan yang lebeh lagi munasabah bagi anak2 wanita di-Persekutuan Tanah Melayu daripada Postwomen tetapi tidak ada mendapat sokongan daripada wakil Yang Berhormat itu. Pada hari ini beliau mengatakan lebeh2 bagus bagi wanita2 di-Pantai Timor kerana wanita di-Pantai Timor tidak tahu menulis dan membacha terutama kalau sakiranya datang-lah register maka terpaksalah tangan anak perempuan kita disana di-pegang oleh Postman, ini saya nafikan, Tuan Yang di-Pertua. Wakil Yang Berhormat itu mengemukakan hal ini maka ini saya pandang ada-lah satu penghinaan kapada wanita2 di-Pantai Timor. Bukan wanita2 di-Pantai Timor sahaja tidak tahu menulis dan membacha saya rasa, wanita2 di-kawasan yang di-wakili oleh Yang Berhormat itu juga maseh banyak lagi yang tidak tahu menulis dan membacha. Dan saya suka menyatakan disini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada-nya Kerajaan sekarang ini itu ada-lah usaha wanita2 juga, ia-itu wanita yang mewakili Pantai Timor pada hari ini, kerana itu-lah ada-nya Kerajaan Perikatan pada hari ini (*Ketawa*). Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dan saya chabar kalau ada orang boleh menafikan hal ini.

Enche' T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr. Chairman, Sir, I speak on page 285, Sub-head 13, Maintenance of Public Roads and Bridges. In this connection, I wish to mention about the road from Seremban to Port Dickson. Some two and a half years ago, certain portions of the road were undergoing improvements, but for some reason or other those improvements had been suspended. Sir, I do hope that those improvements will be continued with and completed, particularly as the traffic on that particular road is very heavy and getting heavier and heavier every day not only with normal traffic but also the week-end traffic, because Port Dickson happens to be the most popular holiday resort in the Federation. Further, in the near future, we are likely to have several new factories; besides a fertilizer factory, there is also the possibility of two very huge oil refineries being built by the petroleum firms. In view of all these, I do hope that the Honourable Minister will bear in mind not only the improvements that had been started and waiting to be completed but also it should be kept in view that the road requires widening, because of the speed restrictions which have often to be imposed and which are not necessary on other main roads.

Next, Sir, I would like to touch on page 286, Sub-head 1, I think that this Department is doing an excellent job and the telecommunications in our country are considered the best in South-East Asia. Not only that, it is gratifying to note that the Ministry is extending the services that are available in the towns to the rural areas. However, I would like to make a minor suggestion in regard to the telephone directory which could do with a little improvement. The directory can stand very little strain and in our library we have to change one almost every thirty days.

I would not like to touch very much on the suggestion of my Honourable friend for Kulim Utara about lady postmen, but I would like to mention that though ladies may claim equality in other spheres, this job is not meant for ladies but is meant for men, particularly so as postmen have to walk for miles in the course of their duties and at the same time carry heavy weight in the way of letters—and I doubt whether it would be a job suitable for ladies and due to certain peculiarities they might take a very long time to deliver the letters.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Posmen. Jawatan posmen ia-lah jawatan yang mustahak, yang di-pandang tinggi oleh semua ra'ayat baik laki2, perempuan atau wanita, pemuda pemudi mahu pun kanak2 sekolah. Pemuda pemudi dan

kanak² sekolah apabila melihat posmen datang mereka ketawa dan besar hati, kerana tentu-lah ada surat untok-nya yang datang daripada sahabat pena atau daripada pemudi dan pemuda dan lain² lagi.

Saya suka mengeshorkan kapada Menteri yang berkenaan supaya posmen ini di-beri motosikal kechil saperti Honda, kerana dengan ada-nya motosikal ini, wanita² yang bekerja sa-bagai poswomen dapat membawa surat itu dengan lebeh jauh lagi.

Wan Mustapha bin Haji Ali: Tuan Yang di-Pertua, kita telah bersama² mendengar dengan sukachita uchapan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom yang mengatakan dalam tahun 1960, telah mengadakan 6 buah Pejabat Pos dan 23 buah Mobile Post Office. Dan pada tahun 1961, mengikut keterangan beliau 18 buah lagi Pejabat Pos akan di-adakan di-luar bandar. Saya harap satu perempat daripada-nya di-adakan di-Pantai Timor. Upachara pembukaan Pejabat Pos ini pada masa yang lalu di-lakukan oleh Menteri. Waktu Pejabat Pos Pasir Mas di-buka saya ada bersama dan gembira kerana Menteri sendiri membuka-nya. Tetapi saya fikir beliau sebok dengan tanggong jawab yang penting yang patut di-timbangkan, pada masa yang akan datang upachara pembukaan Pejabat Pos itu patut-lah di-buka oleh Sultan atau pun Menteri Besar.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Pejabat Pos Kuala Lumpur. Dua hari dahulu saya hendak merejister surat, tetapi setem-nya kurang 10 sen, saya terpaksa beli 10 sen lagi. Saya di-beri tahu oleh kerani di-situ, tempat merejister surat tingkat yang pertama, saya terpaksa naik tingkat yang pertama. Saya hairan, kerana Pejabat Pos di-dalam dunia ini tempat merejister surat dekat dengan tempat menjual setem. Saya harap Menteri yang berkenaan boleh membetulkan-nya. Kemudian saya bertanya kerani di-situ ada-kah tempat merejister surat ini sementara sahaja sebab bangunan ini sudah siap dan berseh. Jawab-nya, sudah 13 tahun tempat merejister surat itu di-tingkat pertama.

Berkenaan dengan Talikom, saya harap benar di-adakan Post Box terutama sa-kali di-letakkan di-ferry², sebab apabila ferry² itu tergendala atau mendapat kemalangan jadi senang-lah orang² boleh menggunakan talipon kapada Polis atau pun kapada kawan²-nya di-rumah. Tetapi saya dapati ferry di-Pantai Timor—Trengganu dan di-Pahang itu tidak di-adakan Post Box-nya di-situ. Saya perchaya patut-lah Kerajaan adakan sebab orang² itu datang jauh daripada bandar² pergi di-sana.

Berkenaan dengan muka 275 item (62) Postmen. Saya boleh kata bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara ia-itu patut di-adakan wanita² menjadi Postwomen. Sebab perkara membawa surat² tidak-lah berat. Sa-tahu saya belum ada lagi Postwomen dalam Tanah Melayu ini. Memang barangkali ada juga wanita² yang buta huruf malu tangan-nya di-pegang oleh Postmen; ini bukan saya hendak merendah²kan wanita tetapi ada juga sadikit sa-banyak saperti yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat wakil daripada Kulim Utara tadi. Jadi Kementerian ini hendak-lah memakai wanita² dan saya shorkan wanita² ini di-ambil daripada Kelantan. Sebab kita ketahui wanita² di-Semenanjong ini terutama-nya wanita² daripada Kelantan-lah yang chergas dan bebas berfikir, sebab itu mereka itu memileh PAS (*Ketawa*). Jadi, kalau di-ambil Postwomen maka hendak-lah di-hantar di-sebelah barat barangkali juga boleh jadi wanita² di-sebelah barat boleh memikirkan dengan chergas dan bebas.

Enche' Chan Siang Sun (Bentong): Mr. Speaker, Sir, words of appreciation and congratulations have been extended to the Minister concerned, and I would like to associate myself by saying that he is a good Minister. (*Laughter*).

Mr. Speaker, Sir, first of all, I would like to touch on page 285, Sub-head 14, Maintenance and Operation of Water Supplies. I would like, on behalf of the people of Bentong, to thank the Minister concerned for putting up a new reservoir for us, so that our water supply problem has now been solved.

To him I extend congratulations and a vote of thanks from the people of Bentong.

However, Sir, I have a request to make, and that is in regard to the water supply for Mentakab. As we know, Mentakab has been suffering for the last ten years from the shortage of water supply and the water pump which pumps water to the reservoir has been there since 1927—much older than me—and this year there were breakdowns a couple of times; hence the people, especially those in the New Villages, have suffered quite a lot. I therefore hope that the Minister concerned would do his best, or probably have a sum allocated, so that the people at Mentakab will be able to have a new reservoir. I am sure that the people of Mentakab will be thankful to him for this act.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sadikit ia-itu di-muka 285 item 7 berhubong dengan membaiki bangunan². Apa yang saya hendak menarek perhatian Kementerian ini ia-itu bangunan² rumah yang di-diami oleh pekerja² Pejabat Talikom di-bandar Tangkak. Bangunan ini telah di-bangunkan kira² 30 tahun dahulu dan keadaan rumah itu tinggi² dan ada mempunyai satu pintu sahaja tetapi tidak ada mempunyai dapor dan mereka itu membuat dapor-nya di-dalam rumah-nya. Mereka bimbangkan ia-lah kalau-lah berlaku satu² kebakaran dengan membawa merbahaya kapada anak² mereka. Kesulitan ini telah pun di-kemukakan kapada pehak yang berkenaan sejak tiga empat tahun dahulu tetapi belum dapat perhatian. Sebab itu-lah saya berchakap dalam perkara ini, mudah²an dapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan.

Dato' V. T. Sambanthan: Mr. Speaker, Sir, I would like to thank the Member for Bachok for his suggestion that more money should be allocated for a further publicity campaign relating to savings through post offices. I would like to say here, however, that at the opening of every mobile post office, we do stress the facilities given by this service and the need for them to save money. I know in one particular case, soon after I had opened a mobile post office, a kampong dweller came with a thousand dollars and deposited the money in the mobile post office and started a savings bank account. The mobile post office itself is a big help to kampong dwellers and provides facilities for them to save money.

With regard to his suggestion that the number of T.A's. was insufficient, I am afraid he is under a misapprehension as the T.A's. mentioned here are Federal and they do work in the H.Q. The T.A's., whom I feel he referred to when he mentioned the rural development plan, really are not in the Estimates; and there are about 367 of them in the country at present.

With regard to the heavy plants and vehicles which he saw on the road side near Dungun, I shall look into this, though I am told that there is some heavy machinery which is used particularly for a special type of work near Dungun. I do not know if he has mistaken it. If there had been any machinery which had been under repair, I shall certainly look into the reasons as to why it could not have been removed immediately.

The Member for Bagan Datoh mentioned the bridge at Permatang Pauh. This is included in the Second Five Year Plan, and it is our intention to give it a very high priority.

As for his remarks about repairs to Highways, how at different times the P.W.D. does its work and then the telecommunications and the C.E.B. carry on theirs; this is only where it is not possible to do otherwise that this happens. It is quite likely that the repairs to the road cannot wait for the others, and we have got to keep the roads in good condition most of the time.

I would like to thank the Honourable Member for Larut Selatan for his congratulations with regard to mobile post offices. There are many more coming in the next year. As for his request for new stopping places, I will certainly consider it. In his reference to Port Weld he said that the limit provided is 5 tons and though from his suggestion one felt

Jika di-beri sa-bagaimana yang telah di-beri kapada Duli Yang Maha Mulia Tengku Puan Besar Kursiah, jadi akan menjadi kelaziman atau pun telah di-tentukan. Sekarang ini tidak boleh di-tentukan, kerana kita menimbang di-atas 'merit' pada tiap² perkara yang berbangkit.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

Clause 1—

The Prime Minister: Sir, I beg to move the following amendment to Clause 1:

Delete the word "Raja" after the word "Ampuan" in line 2.

Amendment put, and agreed to.

Clause 1, as amended, ordered to stand part of the Bill.

Clause 2—

The Prime Minister: Sir, I beg to move the following amendment to Clause 2:

Delete the word "Raja" after the word "Ampuan" in line 1.

Amendment put, and agreed to.

Clause 2, as amended, ordered to stand part of the Bill.

Clauses 3 and 4 ordered to stand part of the Bill.

Long Title—

The Prime Minister: Sir, I beg to move the following amendment:

Delete the word "Raja" after the word "Ampuan" in line 2.

This is in order to correct a drafting error in all these amendments.

Amendment put, and agreed to.

Long title, as amended, ordered to stand part of the Bill.

Bill reported with amendments: read the third time and passed.

MOTIONS

PROVISIONAL DEVELOPMENT ESTIMATES, 1961

Tun Abdul Razak: Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That this House shall immediately resolve itself into a Committee of the whole House to consider the expenditure proposed in the Statement laid upon the Table as Command Paper No. 60 of 1960 and to recommend whether the same shall be approved by this House with or without modification.

Mr. Speaker, Sir, in his Budget Speech moving the Second Reading of the Supply (1961) Bill, my Honourable friend and colleague, the Minister of Finance has explained to Honourable Members that the Development Estimates, which will be presented at this meeting, would be of an interim or provisional nature, and the name of the Development Estimates which are presented to the House as Command Paper No. 60 of 1960 gives emphasis to this point.

The Treasury Memorandum to these Estimates, which has been tabled as Command Paper No. 61 of 1960, explains in some detail how the Estimates have been prepared, and I do not therefore intend to repeat these details now. Out of a total of about $196 million represented in these Estimates, no less than $169 million represent further advances which are needed for the continuation of projects, which have already been approved by this House; and I think Honourable Members will agree that further detailed discussion on these projects would not be necessary, as this would merely represent a duplication of the debates which had already taken place. The remaining $27 million are required for new projects and these projects are enumerated in detail in the Schedule at the end of the Treasury Memorandum. In this respect, I hope Honourable Members will appreciate that these projects are in effect forerunners of the New Five-Year Development Plan, which will be presented to the House in April next year, and Honourable Members will then have the full opportunity of debating on this Plan.

Sir, although the Provisional Development Estimates for 1961 were drawn

up without detailed knowledge of the final form of the New Five-Year Development Plan, the Treasury was in sufficiently close contact with the drafting of the New Five-Year Plan to be reasonably certain that the new projects now proposed will, in fact, find a place in that Plan. The reason why these projects have been included in the Provisional Development Estimates, without waiting for the main Development Estimates for 1961, which will be presented to this House after the details of the Main Five-Year Development Plan have been published, is that the Government wishes to avoid any delay whatsoever, even for two or three months, in the implementation of our plan for economic development and for the development of our educational and health services.

Sir, it gives me some satisfaction to draw Honourable Members' attention to the statement of income and expenditure on page 1 of the Estimates, and in particular to the fact that it is estimated that at the beginning of 1961 there will be sufficient balance in the Development Fund not only to meet the expenditure represented in these Estimates but also a healthy balance, which will be available together with the proceeds of any further loans, which we may issue, to meet the cost of implementation of the first portion of the New Five-Year Development Plan.

Sir, I beg to move.

Dato' Dr. Ismail: Sir, I beg to second the motion.

Enche' Tan Phock Kin (Tanjong): Mr. Speaker, Sir, it is not my intention to speak at length on this, but merely to comment on what I consider to be a rather peculiar method of explaining the situation to us. It is set out in the Treasury Memorandum and in the speech of the Honourable the Minister of Finance that a five-man committee has been appointed from the World Bank to study and to recommend a Five-Year Development Plan; that a Federation Plan begun late in 1959 has been worked out; and a Rural Development Plan has been worked out independently by the Government; and the job now is in the words of the Honourable the Deputy Prime Minister to coordinate these three. No doubt, everyone is aware that it is quite a peculiar system of working out a Five-Year Plan. A lot of overlapping work is being done in this respect and it is regrettable that even at this very late hour, we still have not got any idea as to what the Five-Year Development Plan is going to be like.

We are asked here also to approve a sum of $27 million for what is described as "projects", which in the view of the Treasury will find a place in the Plan. The justification for this is, in our minds, difficult to assess. As far as we are concerned, we have no idea whatsoever; and we are told by the Minister concerned to accept the assurance of the Treasury that the provision will find a place. So being in this position, it is difficult for us to debate on the justification or otherwise of this, because we are not given the particulars to argue our case—we actually do not know a thing. We cannot compare the justifications, we have not the facts and figures to say whether the provisions for these items are justified in comparison with the other items as regards priority. We merely have to accept the word of the Minister for the inclusion of such items.

Therefore, Sir, I may say that as far as we are concerned, we must express concern and regret that in submitting the Estimates for 1961, which is supposed to be the first year of a Five-Year Development Plan, the Government did not see to it that we are provided with a Five-Year Development Plan at this stage. The Government may have reason for it, but I am afraid that as far as speeches go, there is not sufficient justification and explanation as to the cause of such delay. One must realise that it is of major importance, and I think it is the duty of the Government to see to it that a Five-Year Development Plan should be submitted before the beginning of the first year, and not otherwise. I hope that the Government will see to it that this state of affairs will not happen again.

Tun Abdul Razak: Mr. Speaker, Sir, in reply to the Honourable Member for

tukang kayu, derebar dan pekerja. Sub-head 4. Alat Pemanchar, Kuantan. Peruntokan ini ia-lah bagi mengadakan dua buah alat pemanchar bagi gelombang sederhana di-Kuantan. Pada masa sekarang ini alat pemanchar di-Kuantan itu sangat kechil dan tidak memuaskan hati. Sub-head 6. Alat Pemanchar Baharu, Kajang. Sabahagian besar daripada ranchangan ini di-harapkan akan siap pada tahun ini. Wang sa-banyak $78,994 ini ia-lah untok mendirikan rumah kakitangan pejabat sahaja. Sub-head 7. (i) Memindahkan alat² pemanchar di-Kajang dan mendirikan-nya di-Melaka; ranchangan ini akan siap pada awal tahun 1961. Sub-head 7. (ii) Alat² perkakas bagi studio Melaka yang telah di-pesan, akan tetapi kerja mendirikan studio belum di-mulakan lagi, kerana perundingan berkenaan dengan tanah bagi tapak studio belum selesai lagi. Ada-lah di-harapkan ranchangan ini akan dapat di-mulakan pada awal tahun hadapan.

Sub-head 8. Alat² pemanchar dan studio² di-Kota Bharu. Satu tapak yang sesuai telah di-dapati untok mendirikan sa-buah bangunan alat pemanchar dan studio, tetapi perundingan dengan Kerajaan Kelantan mengenaï perkara itu maseh berjalan; jika perundingan selesai, sa-belum akhir tahun ini atau awal tahun 1961 kerja boleh-lah di-mulakan.

Berkenaan dengan Kepala 103 ia-itu Sub-head 1 studios bagi Film Unit. Yang sa-benar-nya, ini bukan ranchangan baharu. Peruntokan $1.4 juta itu telah ada dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan tahun ini, tetapi sa-bahagian kechil sahaja daripada peruntokan ini yang dapat di-gunakan ia-itu untok membeli tanah tempat studio² itu akan di-dirikan. Sub-head 3. Civic Centre. Ada-lah di-chadangkan bahawa pusat untok mengadakan kursus² pada ra'ayat hendak-lah di-tubohkan di-Kuala Lumpur atau di-tempat yang berhampiran dengan Kuala Lumpur. Jabatan Penerangan telah memikirkan betapa mustahak-nya mengadakan sa-buah pejabat yang saperti itu. Semenjak tahun 1952, Jabatan Penerangan telah mengadakan kursus tata-ra'ayat berbagai peringkat pendudok saperti Ahli² Majlis Meshuarat Negeri, Ahli² Majlis Meshuarat Tempatan, Penghulu², Ketua² Kampong, Pegawai² Kesatuan Pekerja, Ahli² Pertubohan Wanita, Guru², Ketua Pemuda, Tukang² Gunting Rambut, Pekebun Kechil, Penarek Becha, Pembantu² Kedai dan sabagai-nya. Beberapa tahun yang lalu latehan tata-ra'ayat ini di-adakan dengan tujuan hendak menarek hati orang ramai supaya memahami ranchangan² dasar kerajaan pada hari itu, dan khas-nya, berkenaan dengan hendak melawan pengganas kominis dalam masa dharurat.

Semenjak merdeka perkara mendidek ra'ayat negeri ini ada-lah satu perkara yang sangat mustahak supaya ra'ayat dapat faham tanggong jawab mereka terhadap kapada negara. Pada masa itu ranchangan mengadakan tata-ra'ayat ini tidak dapat di-jalankan dengan sempurna-nya, kerana kita tidak mempunyaï sa-buah pusat latehan tata-ra'ayat. Pusat latehan tata-ra'ayat ini boleh di-gunakan untok tujuan² saperti yang di-bawah ini:

Yang pertama, melateh Pegawai² Penerangan, dan jika dapat, pegawai² di-setengah jabatan kerajaan saperti guru² dan Pegawai Kebajikan Masharakat dalam perkara mengajar latehan tata-ra'ayat pada gulongan² yang tertentu dan orang ramai 'am-nya.

Yang kedua, mengadakan latehan² berkenaan dengan Perlembagaan dan tata-ra'ayat bagi orang² yang di-pileh daripada semua negeri.

Yang ketiga, di-jadikan sa-bagai sabuah pusat tempat pakar² berkenaan dengan Perlembagaan dan lain² perkara memberi sharahan dari satu masa kasatu masa untok pelajaran dan lain² bagi orang yang dudok di-Kuala Lumpur dan yang suka mendengar-nya.

Sub-head 4. Kereta Pameran. Daripada pengalaman yang sudah telah di-dapati bahawa kereta pameran atau kereta pertunjokan itu ada-lah satu chara yang baik untok menyibarkan penerangan kapada orang ramai,

terutama sa-kali kapada pendudok[2] yang tinggal di-kawasan luar bandar. Satu daripada chontoh-nya ia-lah baharu[2] ini kereta pertunjokan kemajuan sedang menjelajah di-seluroh Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah sahaja yang dapat saya sebutkan dalam Kepala[2] 102 dan 103. Dan di-sini saya menchadangkan supaya Jawatan-Kuasa ini menerima dan meluluskan perbelanjaan sa-banyak $2,250,287 di-bawah Kepala 102 dan peruntokan sa-banyak $1,284,000 di-bawah Kepala 103. (*Tepok*)

Question put, and agreed to.

The sum of $7,294,287 for Heads 101 to 104 agreed to stand part of the Provisional Development Estimates, 1961.

Heads 105-112—

The Assistant Minister of the Interior (Enche' Mohamed Ismail bin Mohd. Yusof): Mr. Chairman, Sir, in regard to item 15, under Head 105, a sum of $300,000 entered therein is required to meet Federal Government grants to the three Municipalities—Penang, Kuala Lumpur and Malacca—for capital expenditure on road works within their areas. The existing arrangement is that, excepting in cases where the road to be constructed or reconditioned is of national importance, in which case either the work is carried out departmentally by the Federal P.W.D. or a 100 per cent grant is made, these Municipalities may claim for special grant-in-aid for such capital work an amount not exceeding 50 per cent of the cost. This arrangement is effective from 1960 and so far a bid of over $2 million has been made, and this sum of $300,000 is needed to cover grants to be paid for the first quarter of 1961. The balance will be entered in the main Development Estimates for 1961. In 1960 and subsequent years, where Federal capital expenditure is to be incurred on roads, Municipalities may apply to the Federal Government for a special grant-in-aid which should not exceed 50 per cent of the total cost. The Federal Government now pays $9,250 for a mile of road maintained by the Municipality.

Under Head 106, Chemistry, a sum of $10,000 is required to complete this project early next year. It has not proved possible to complete the electrical installations and other necessary work before the close of the 1960 financial year.

Under Head 107, Printing sub-head 3, this work has been practically completed, but the sum of $3,006 is required for wiring installations which have still to be made. Under the same Head, New Printing Office, Alor Star, sub-head 6, work is going ahead on this project, but it is not anticipated that more than $60,000 will be spent this year. The balance of $240,000 is, therefore, required next year to complete the project.

Under sub-head 7, Stationery Store, Kuala Lumpur, work has begun, but it has not been possible to complete the scheme this year. The balance is, therefore, required to finish the work in 1961.

Now, under Head 108, Prisons, sub-head 11, Quarters at Alor Star, this project is nearly finished, but $12,627 is required to complete the work in 1961. Under the same sub-head, in respect of (ii) the balance of $5,000 is required to complete the scheme for Quarters, Johore Bahru.

Under sub-head 13, Agricultural Scheme for Henry Gurney School, a sum of $80,000 was provided in the Supplementary Development Estimates, 1960, to meet preliminary expenses in connection with the acquisition of land for the scheme. An amount of $295,500 is now required to complete the project which is estimated to cost $325,000.

I now come to Head 109, Housing. Under sub-head 4, a sum of about $1,200,000 has been provided for low cost housing. This sum is required to enable the Housing Trust, as agent of the Federation Government, to make progress payment during the first

quarter of 1961 in respect of the following low cost housing projects—

Sungei Rokam, Perak ...	277	houses
Sungei Siput, Perak ...	160	,,
Taiping, Perak	82	,,
Berapit, P. W.	56	,,
Kampong Majeedi ...	230	,,
Tampoi, Johore Bahru	71	,,
Muar, Second Phase, Johore	61	,,

Under sub-head 5, a sum of $4,500,000 has been provided as loan fund to the Malaya Borneo Building Society Ltd., to enable it to expand its programme. The House must be aware of the fact that the Federation Government has made substantial investment in the Malaya Borneo Building Society, and the position is that this organisation should become the Federation Government's agents for the building of houses for sale to the middle and low income groups. This Society has only two shareholders—the Federation Government and the Colonial Development Corporation, the latter being the major shareholders. The Federation Government is represented by three representatives on the Board of Directors.

Finally, coming to Heads 110, 111 and 112, the amounts asked for under the various items under these Heads are required for continuation projects approved under the First Five-Year Development Plan. These are loan Funds and are being paid in accordance with the terms laid down by the Treasury. The projects are in various stages of development and those which have not been completed will be considered in connection with the Second Five-Year Development Plan.

Sir, I beg to move.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, sama ada hendak memajukan atau tidak, kita terpaksa meluluskan anggaran ini. (*Ketawa*). Chuma saya hendak berchakap berkenaan dengan Malaya Borneo Building Society, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ada mempunyai share di-dalam-nya dan ada mempunyai wakil di-dalam Lembaga ini. Saya perchaya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan berikhtiar menerusi pertubohan ini supaya dibanyakkan lagi ranchangan² mengadakan rumah murah bagi anggota Kerajaan yang di-fikirkan mereka itu bergaji rendah dan mustahak mempunyai rumah sendiri untok kesenangan mereka apabila mereka pension umpama-nya pada masa yang akan datang. Sebab-nya, kadang² Malaya Borneo Building Society ini menerima dan mengambil berat di-atas pegawai-nya oleh sebab ranchangan² itu dari segi investment-nya boleh menguntongkan Malaya Borneo Building Society. Oleh kerana saya hendak lekas, itulah sahaja.

Enche' Ahmad bin Mohamed Shah (Johore Bharu Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak berchakap berkenaan dengan Kepala 109 ia-itu sub-head 4. Saya baharu tadi mendengar Menteri Muda ada berchakap ia-itu pada tahun hadapan akan dibangunkan rumah² di-Kampong Melayu Majidi Baharu. Saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Muda ia-itu rumah² yang hendak di-dirikan itu saya berharap tidak akan di-dirikan sa-macham itu lagi. Pendudok² di-sana telah berkata bahawa rumah² itu tidak berapa elok dan sa-tengah²-nya pula berkata rumah² itu saperti rumah burong merpati. Saya berharap pada tahun hadapan harap-lah molekkan sadikit rumah² yang hendak di-dirikan itu. Dan lagi saya suka hendak menyatakan di-sini ia-itu pendudok² di-bandar Johor Bharu itu yang dahulu-nya tidak ada mempunyai rumah telah memberi tahu kapada saya yang mereka itu menguchapkan terima kaseh kerana mereka telah mendapat rumah² yang sederhana, tinggal lagi di-masa hadapan ia-itu pesen rumah² itu biar-lah molek sadikit daripada apa yang telah di-buat itu.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana telah di-bangkitkan berkenaan dengan pelan rumah yang di-buat di-Johor Bharu ia-itu ranchangan itu di-jalankan pada masa saya maseh

ada dalam Kementerian itu. Saya suka menerangkan bahawa pelan itu telah di-persetujuï oleh Town Council Johor Bharu sa-telah berunding dengan pekerja² ya'ani orang² yang hendak mendudoki rumah² itu. Jadi, perkara tidak puas hatì ini terserah-lah kapada Jawatan-Kuasa Perumahan Johor Bharu.

Enche' Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof: Tuan Yang di-Pertua, untok menjawab Ahli Yang Berhormat daripada Bachok, ada-lah menjadi dasar Kerajaan untok meminjamkan wang kerana hendak mendirikan rumah daripada Malaya-Borneo Building Society. Di-samping itu ranchangan rumah murah di-dirikan di-tempat² yang mustahak terutamanya di-buat di-kawasan² Majlis Perbandaran itu-lah dasar Kerajaan.

Question put, and agreed to.

The sum of $9,489,133 for Heads 105 to 112 inclusive agreed to stand part of the Provisional Development Estimates, 1961.

Adjourned at 7.00 p.m.